- (f) That the Telecommunications Department does not have a separate Pension Section dealing with pensions work alone. The pension work is only one of the many subjects being dealt with by the Service Branch. The recent implementation of the Suffian Salary award of both monthly and I.M.G. staff at an almost simultaneous time, had put great pressure and a heavy work load on the staff of the Service Branch

which deals with Service matters including pensions and gratuities. The urgent action required in the payment of the revised salaries to 11,000 staff of the Department is one of the causes of the delay.

In spite of all the problems mentioned and the tremendous amount of work involved as the result of implementation of the Suffian Report both in terms of pensions for the I.M.G. employees, and revisions and arrears of salaries for the monthly paid, I am glad to say that due to the efforts put into by the staff of the Telecommunications Department as well as the Ministry, all the 218 I.M.G. who retired in 1969 have now been emplaced on the pensionable establishment and that some of them have been paid. Every endeavour and effort is being made to expedite not only the payment of pension to those I.M.G. who retired in 1969, 1970 and 1971 but also to emplace as soon as possible the very large group of I.M.G. staff still serving with the Department. I am glad to inform this House that all those who retired in 1969 have already been paid their gratuities and/or their Employees Provident Fund.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Sir, the Government being the largest employer in the public sector, is it fair for the Government to delay the payment of pensions to the workers? I quite appreciate the administrative difficulties faced by the Government, but, on the other hand, the Government is obliged to pay the pensions immediately a person retires. Can the Minister give an assurance to this House during what period this matter can be settled, especially in the case of people who have retired in 1970 and who have now retired in 1971.

Tun V. T. Sambanthan: I would like to thank the Honourable Member for the fact that he recognises the difficulties of the situation. We are at the stage of beginning a thing, and it is only at this stage we have this difficulty. I would like to assure the Honourable Member that the staff working on the pension papers is further strengthened in my Ministry and I can certainly give an assurance that we are seeking to hurry up the process. I would like to give some figures—in any case, let me state an assurance that everything is being done to speed and expedite the provision of pension and other matters relating to this.

Tuan Lim Kit Siang: (*Dengan izin*) Despite the assurance, I do not think that assurance is going to be very helpful to people who have retired because these people are people without means—they do not have property or houses to mortgage or to borrow money from the bank. So in terms of the human suffering involved, and I personally have come across cases of Telecommunications employees who have retired and who are running from place to place to try to borrow money just to feed their families and to keep their children in school.

Tuan Yang di-Pertua: Will you get down to the supplementary question?

Tuan Lim Kit Siang: So, if there cannot be an early solution to this, can the Honourable Minister think of some way whereby there can be a certain payment to these retired people to tide them over this very difficult period for them.

Tun V. T. Sambanthan: It relates to the mechanics of the problem, isn't it. As I stated earlier on, they have got to satisfy certain requirements. The requirements are that this man has been working for 10 years continuously. The previous system did not make provision for all this. So they have to sort out the papers and this is a time consuming factor. The only thing that can be done is to increase the number of persons who are employed in research. That is being done.

BAZAR SUNDAR MENYAMBONG JALAN TRUSAN/LAWAS— PEMBENAAN

9. Awang Bungsu bin Abdullah minta Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menyatakan bila pembenaan jalan yang menyambong Bazar Sundar dengan Jalan Trusan/Lawas di-Bahagian Kelima Sarawak akan dimulakan.

Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom (Tun V. T. Sambanthan): Tuan Yang di-Pertua, jalan ini ada-lah untuk pertimbangan dalam Ranchangan Malaysia Ketiga.

Awang Bungsu bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kerajaan menimbangkan oleh kerana penduduk² Bazar Sundar sangat² susah jika mereka mendapat sakit akan pergi Lawas, saya harap Yang Berhormat dapat-lah menimbangkan perkara ini.

Tun V. T. Sambanthan: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

MEMBENA JAMBATAN TANAH BESAR DENGAN PULAU PINANG

10. Tuan V. David minta Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menyatakan sama ada Kerajaan Pusat telah bersetuju untuk membena sa-buah jambatan yang menyambong Tanah Besar dengan Pulau Pinang.

Tun V. T. Sambanthan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengambil keputusan bagi membena sa-buah jambatan menyambongkan Pulau Pinang dengan Tanah Besar dan ini telah di-nyatakan dalam satu siaran akhbar yang telah di-keluarkan oleh Pejabat Timbalan Perdana Menteri pada 10hb September, 1971.

Tuan V. David: Is it a fact, Sir, that assurances have been definitely or positively given that a bridge will be constructed between the Mainland and the Penang Island. This has been said, of course, in the press statement. So, can the Minister categorically state, definitely, in positive terms, that there would be a bridge and when it will be constructed, if at all it is to be constructed.

Tun V. T. Sambanthan: My reply earlier on in Bahasa Malaysia, which I shall repeat in English, was this: The Government has decided to build a bridge linking Penang to the Mainland and this was stated in a press statement issued by the Office of the Deputy Prime Minister on the 10th September, 1971. That is, I suppose, a categorical statement. Following it up, maybe I could give the Honourable Member some information. One is that we have had a pre-feasibility study earlier on; and that has been followed up now by a detailed engineering feasibility study which will be undertaken by a firm of consultants and the study will commence in about three weeks time. This study should take about a year, and after that, the Government will assess the various suggestions made. The study would give a fairly realistic cost of the bridge crossing and define the type of crossing that would be suggested by the firm of consultants. Thereafter, it is up to the Government to decide to have the organisation prepare detailed drawings and plans for the particular venture and along with that, tender documents, etc., etc. In fact, the whole

exercise should reach around 1975, at which time the Third Malaysia Plan comes. Then I suppose the money should be voted in for that and the work would commence.

Tuan V. David: Mr Speaker, Sir, am I to understand that the work on the bridge will not commence during the term of this Second Malaysia Five-Year Plan?

Tun V. T. Sambanthan: I have tried to state what the programming would be. As I said earlier on, the detailed survey would take a year. Then there is the mechanics of drawing up the design of the bridge after decision by the Government. The Government will take at least a few months to decide what type of bridge they want, and having decided that, it will take maybe a year or a year and a half, if the designing could be done within 6 months, which I doubt very much. Then you can well expect the bridge to start work well before 1975, but I am in no position to state categorically when this sort of thing will start.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) The Honourable Minister informed us that the Government has stated that it is going to build the bridge. Could we get a clarification here? Is it the Central Government or the Lim Chong Eu Government which has decided to build this bridge because there are going to be rival claims for this bridge?

Tun V. T. Sambanthan: Well, the statement has come from the Office of the Deputy Prime Minister.

Tuan Goh Hock Guan: Now in deciding to build this bridge to connect Penang to the Mainland, would the Minister indicate to the House, roughly, he cannot give us the detailed figures, what actual benefit that bridge will give either to Penang or Mainland Malaysia?

Tun V. T. Sambanthan: Surely the Honourable Member does not expect me to give a treatise on that particular subject, does he?

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan Tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Betul atau tidak untuk menchari tapak Jambatan ini sa-tahun, untuk buat plan sa-tahun lebeh, untuk buat kira² dua tahun; sampai dunia kiamat pun tidak jadi, betul-kah bagitu?

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahan-nya? (*Ketawa*).

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Hendak bertanya, Tuan Yang di-Pertua, betul atau tidak; lama sangat.

Tun V. T. Sambanthan: This is not child's play. One has got to give adequate time for this sort of work.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Speaker, precisely because it is not child's play—I was not asking the Honourable Minister to give a treatise on this bridge—but precisely because it is not child's play, the House and the country expect the Honourable Minister to be able to justify to this House and the country why that bridge is necessary in view of the tremendous cost which you are going to ask the taxpayers very soon. How much is it going to cost, and what benefit are we going to derive? Will you please indicate?

Tuan Yang di-Pertua: He is still waiting for your question.

Tuan Goh Hock Guan: That was my supplementary question.

Tun V. T. Sambanthan: The way I see this supplementary question is what is the bridge going to cost. Is that one? All right! And the second thing is why do you want to build the bridge. Is that the second one?

Tuan Goh Hock Guan: Yes.

Tun V. T. Sambanthan: I said there was a pre-feasibility study to work out, analyse and note whether such a bridge crossing is necessary. The pre-feasibility study took within its scope the present ferry, the number of persons going by this and all the various details relating to this, the economic factor and all that, and their Report convinced the Government that this was a venture worth going into. That is all I can say briefly. As for the cost, this cannot be defined at the moment because the detailed engineering feasibility study has not begun yet.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: The time is up.

(*Masa untuk Pertanyaan² bagi Jawab Mulut telah chukup dan Jawapan² Lisan bagi Pertanyaan² No. 11 hingga 33 ada-lah di-beri di-bawah ini.*)

RUMAH MAYAT DI-HOSPITAL DAERAH MUKAH

11. Tuan Latip bin Haji Idris minta kepada Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan berchadang akan membuat rumah mayat (mortuary) di-Hospital Daerah Mukah.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Ya, dalam tahun 1973.

(*Dengan izin*) Yes, in 1973.

JURURAWAT TIDAK PUAS HATI— MENUBOHKAN JAWATAN-KUASA

12. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Kesihatan menubuhkan suatu Jawatan-kuasa bagi mengkaji perasaan tidak puas hati di-kalangan jururawat.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tidak ada jawatan-kuasa khas di-Kementerian Kesihatan untuk mengkaji kemushkilan dari jururawat² kerana segala kemushkilan² yang melibatkan keputusan² polisi ada-lah di-uruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Walau bagaimanapun jentera pentadbiran di-Kementerian saya di-gunakan untuk menerima pengaduan dari mana² kalangan kakitangan dan sekiranya perlu ia-nya hanya memberi sokongan² kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

(*Dengan izin*) There is no special committee in the Ministry of Health to study the grievances of the Nursing Staff as most service grievances which involve policy decisions are dealt with by the Public Services Department. However, the administrative machinery of my Ministry is used to the extent of receiving complaints from any category of staff and if necessary it only makes its recommendations to the Public Services Department.

RUMAH MAYAT DI-HOSPITAL LAU KING HOWE SIBU

13. Tuan Khoo Peng Loong minta Menteri Kesihatan menyatakan bila kerja² membesarkan rumah mayat di-Hospital Lau King Howe, Sibu akan di-mulakan kerana tempat yang ada sekarang tidak menchukupi.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana me-

nimbulkan pertanyaan Rumah Mayat di-Hospital Lau King Howe. Saya sendiri telah menyedari bahawa keperluan untuk memperbaiki hospital² ada-lah penting dan oleh itu Rumah Mayat di-Hospital Lau King Howe akan di-perbaiki. Kerja² terhadap Rumah Mayat itu akan di-mulakan sebaik² sahaja plan²-nya siap dan Jabatan Kerja Raya bersedia untuk membena-nya.

(*Dengan izin*) I am grateful to the Honourable Member for raising the question of the mortuary at Lau King Howe Hospital. I am personally aware that improvements to hospitals are important and as such the mortuary at Lau King Howe Hospital will be improved. Work on the mortuary will commence as soon as the plans are ready and the Public Works Department is able to provide the capacity for its construction.

KEMAJUAN PERUSAHAAN DI- SARAWAK—MEMPERCHEPATKAN

14. Dato' James Wong Kim Min minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan apa-kah langkah² yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memudahkan dan mempercepatkan kemajuan perusahaan di-Sarawak.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohamed Khir Johari): Untuk memesatkan kemajuan perusahaan di-Sarawak dan juga untuk menggalakkan penempatan perusahaan di-negeri itu, langkah² berikut telah di-ambil oleh Kerajaan:

(i) Satu kajian sedang di-jalankan di-Sarawak di-dalam usaha untuk menentukan harapan² dan kemungkinan² perusahaan di-negeri itu. Kajian ini akan membolehkan Kerajaan menentukan apa-kah projek² perusahaan yang boleh di-dirikan di-Sarawak berdasarkan bahan² asli yang sedia ada, keadaan² pasaran dan lain² faktor ekonomi yang terdapat di-negeri itu. Kajian ini sedang di-buat oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (LKPP) dengan bantuan daripada UNIDO.

(ii) Seluruh kawasan Malaysia Timor telah di-ishtiharkan sa-bagai "Kawasan Pembangunan". Ini berma'ana bahawa perusahaan² yang berjaya mendapat taraf perintis akan layak mendapat satahun lagi pengechualian chukai sakira-nya mereka membuka kilang di-sana.

(iii) Saya telah menubuhkan sa-buah Jawatankuasa untuk mengkaji sa-mula Galakan² Perusahaan bagi Malaysia Timor memandangkan keadaan² tertentu di-wilayah tersebut. "Jawatankuasa Khas bagi mengkaji semula Galakan untuk Malaysia Timor" ini ada-lah di-pengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan di-anggotai oleh tiga orang wakil dari Sarawak dan tiga orang wakil dari Sabah termasuk wakil² dari Perbendaharaan, Jabatan Kastam, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan. Jawatankuasa ini sa-patut-nya memulakan kerja-nya tidak berapa lama dahulu, akan tetapi malang-nya Kerajaan Negeri Sarawak telah mengambil masa yang agak lama untuk menchalonkan nama² wakil mereka. Nama² ini baru sahaja di-terima.

(iv) Di-dalam meluluskan projek² perusahaan untuk di-tempatkan di-Malaysia Timor, Kementerian saya ada-lah selalu memberi pertimbangan khas kepada keadaan² yang terdapat di-Malaysia Timor. Telah terdapat kejadian² di-mana kelulusan taraf perintis telah di-beri kepada projek² yang hendak di-tempatkan di-Malaysia Timor yang mana di-bawah keadaan biasa tidak mungkin di-berikan kelulusan jika projek² itu di-tempatkan di-Malaysia Barat. Projek² tersebut ada-lah:

- (i) Membuat makanan² binatang;
- (ii) Pemasangan basikal untuk kanak², basikal roda tiga dan bahagian² ganti-nya;
- (iii) Membuat barang² anti-biotics dan pharmaceutical; dan
- (iv) Membuat bateri motokar.

(Dengan izin) In order to promote industrial development in Sarawak and in order to encourage the location of industries in the States the following steps have been taken by the Government:

- (i) A survey is being carried out in Sarawak in order to determine industrial possibilities and to identify industrial potentialities in the State. The survey will help to identify what

industrial projects can be set up in Sarawak taking into consideration the existing natural resources, market conditions and other economic factors prevailing in the State. This survey is being carried out by FIDA with the assistance of UNIDO.

(ii) The whole of East Malaysia has been declared a "Development Area". This means those industries qualifying for pioneer status will be eligible for an extra year of tax relief if they are located in the region.

(iii) I have set up a Special Committee to review the Investment Incentives for East Malaysia considering the special conditions of the region. This "Special Committee to Review Incentives for East Malaysia" is chaired by Deputy Secretary General, Ministry of Commerce and Industry and consisting of three representatives from Sarawak and three representatives from Sabah including representatives from the Federal Treasury, Customs, Ministry of Commerce and Industry and FIDA. This Committee should have started its work some time ago but unfortunately the Sarawak State Government had to take a long time to nominate the names of its representatives. These names have just been received lately.

(iv) In approving industrial projects for location in East Malaysia my Ministry has always taken into special consideration the conditions prevailing in East Malaysia. There have been occasions where pioneer status has been granted to projects to be located in East Malaysia which under normal circumstances would not have been granted approval if they had been located in West Malaysia. The projects concerned are:

- (i) Manufacture of animal feeds,
- (ii) Assembly of children's bicycles, tricycles and parts,
- (iii) Manufacture of anti-biotics and pharmaceutical products, and
- (iv) Manufacture of motorcar batteries.

HARGA GETAH MURAH— MEMPERBAIKI

15. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan apa-kah langkah² yang telah diambil bagi memperbaiki harga getah yang murah.

Tuan Mohamed Khir Johari: Beberapa langkah yang di-ambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki kedudukan harga getah boleh di-bahagikan kepada dua peringkat ia-itu langkah² jangka panjang dan langkah² jangka pendek.

Langkah² jangka pendek

- (i) Bila perlu, Kerajaan membeli getah di-dalam pasaran getah untuk membolehkan harga getah, di-bawah Rancangan Kerajaan untuk menstabilkan harga. Untuk mencapai tujuan ini Kerajaan telah membelanjakan banyak wang dan tidak akan berasa ragu² untuk membelanjakan lebih banyak lagi jika perlu, untuk meneruskan operasi di-dalam pasaran demi kepentingan negara.
- (ii) Usaha² telah dan sedang di-buat untuk memperluaskan pembelian getah dari Malaysia terutama oleh negara² Sosialis.
- (iii) Sama ada dengan usaha-nya sendiri maupun sa-chara usaha bersama melalui Persatuan Negara² Pengeluar Getah Asli, Malaysia telah mengemukakan chadangan balas (counter proposal) kepada Amerika Sharikat berhubung dengan penjualan getah simpanan-nya. Daripada penjualan sa-banyak 72,000 tan sa-tahun Malaysia telah menchadangkan penjualan sa-banyak 3,000 tan sa-bulan tanpa di-pinda hingga kesemua getah berlemban di-dalam simpanan telah habis di-jual. Hasil-nya, Amerika Sharikat telah bersetuju untuk mengurangkan penjualan kepada 4,000 tan sa-bulan dengan angka maxima sa-banyak 50,000 tan sa-tahun.

Langkah² jangka panjang

- (i) Malaysia bersama² dengan negara² pengeluar getah asli lain telah menubahkan Persatuan Negara² Pengeluar Getah Asli dengan sa-buah Urusetia

tetap untuk menyelaraskan aspek² pengeluaran dan pemasaran getah asli bagi faedah bersama negara² pengeluaran.

- (ii) Langkah² sedang giat di-jalankan untuk meninggikan pengeluaran getah serta mengurangkan kos pengeluaran melalui penanaman sa-mula dengan menggunakan bahan² tanaman yang bermutu tinggi dan chara² memproses yang baharu. Penyelidikan keatas penggunaan sedang juga di-jalankan untuk mencari kegunaan² yang lebih luas bagi getah asli.
- (iii) Untuk meninggikan mutu getah asli terutama getah yang di-keluarkan oleh pekebun² kecil, Kerajaan telah memperuntukkan sa-banyak \$35 juta bagi penubuhan kilang² SMR di-dalam Rancangan Malaysia Kedua. Untuk melaksanakan rancangan ini suatu badan ia-itu Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Bhd telah di-tubuhkan.

(Dengan izin) The various measures taken by the Government to improve the price situation may be divided into two categories, i.e. the long-term measures and the short-term measures.

Short-term measures

- (i) The Government has actively operated in the rubber market to bring about a healthier price level under the Government Price Stabilisation Scheme. To this end, the Government has spent a considerable sum of money and will not hesitate to spend more and continue to operate in the market, if necessary, in the interest of the nation.
- (ii) Efforts have and are being made to secure a larger offtake of Malaysian rubber, especially by Communist bloc countries.
- (iii) Malaysia has, on her own and collectively through the Association of Natural Rubber Producing Countries, put forth a counter-proposal to the United States on the release of NR from the strategic stockpile. Instead of releasing 72,000 tons per year, we now have suggested a release of 3,000 tons per month and that there should not be any more revisions to the programme

until the entire surplus in the stockpile has been eliminated. Arising from this, the U.S. has agreed to reduce the stockpile release to 4,000 tons per month, with a maximum of 50,000 tons per year.

Long-term measures

- (i) Malaysia, together with other NR producing countries, have formed the Association of Natural Rubber Producing Countries (ANRPC) with a permanent Secretariat to bring about greater co-ordination in the production and marketing of NR for the mutual advantage of all NR producing countries.
- (ii) Measures are actively being taken to increase yield in rubber production and at the same time to reduce the cost of production through replanting with the use of better planting material and new processing methods. Consumption research is also being carried out to find further uses of natural rubber.
- (iii) In order to improve the quality of natural rubber, especially those produced by smallholders, the Government has provided \$35 million for the establishment of SMR factories under the Second Malaysia Plan. The aim is to establish such factories throughout the country to be undertaken by Malaysian Rubber Development Corporation Berhad.

PERNAS MONOPOLI IMPOT BARANG² CHINA

16. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan mengapa PERNAS di-beri monopoli meng-impot barang² China sahaja dan tidak barang² lain dari negara lain.

Tuan Mohamed Khir Johari: Ada-lah menjadi dasar Kerajaan untuk mengendalikan perdagangan luar-nya dengan sa-chara langsung atau "direct trade" tanpa melalui badan² atau negeri² ketiga. PERNAS ada-lah satu badan yang sesuai untuk menyalor-kan perdagangan sa-chara langsung ini ter-utama sekali dengan negeri² sosialis yang mengendalikan perdagangan luar-nya mene-rusi perbadanan² perdagangan yang di-punyai oleh negara atau "State Trading

Corporation". Peratoran perdagangan dengan Negeri China menerusi PERNAS ada-lah langkah permulaan ka-arrah melaksanakan dasar tersebut.

KILLINGHALL TIN MINE PUCHONG—TINDAKAN KA-ATAS BUROH²

17. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan apa-kah tindakan yang telah di-ambil terhadap Killinghall Tin Mine di-Puchong atas tindakan anti-buroh dan anti-sosial-nya bila-mana 147 pekerja² tetap telah di-buang kerja pada 1hb Oktober, tahun ini dan di-gantikan dengan buroh² kontrek yang murah.

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam): Killinghall Tin Berhad dan Hong Kong Tin Berhad di-Puchong telah membuang 147 orang dari kira² 500 orang pekerja pada akhir bulan September, 1971, di-sebabkan oleh kerja² melombong telah di-kurangkan dan di-ikuti pula dengan penyusunan sa-mula sharikat² itu. Pembuangan ini di-lakukan sa-telah perundingan di-adakan terlebih dahulu dan persetujuan di-chapai di-antara Sharikat dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja² Lombong Malaya yang mewakili pekerja² di-kedua² buah sharikat itu. Ini jelas menunjukkan bahawa pembuangan itu di-lakukan sa-chara jujur. Ada-lah di-laporkan bahawa 2 dari 147 orang pekerja² yang di-buang itu telah di-ambil bekerja sa-mula ia-itu sa-orang daripada-nya atas permintaan Kesatuan manakala sa-orang lagi atas dasar belas kasehan. Pegawai² Kementerian saya telah juga menyiasat perkara ini dan di-dapati tidak ada bokti² yang menunjukkan shari-ka² itu menggantikan pekerja² yang di-buang dengan buroh² kontrek² yang murah.

(*Dengan izin*) Killinghall Tin Berhad and Hong Kong Tin Berhad of Puchong re-trenched 147 out of 500 workers at the end of September, 1971 because of a reduction in the scale of mining operations and consequent reorganisation. This retrenchment exercise was carried out after prior discussion and agreement between the Companies and the National Mining Workers Union of Malaya which represents the workers in both the Companies. This clearly shows that the retrenchment is *bona fide*. It is reported that 2 of the 147 retrenched workers have since been re-employed—one by the request of the Union and the other on compassionate ground.

Officers of my Ministry have also investigated into the matter and found no evidence to suggest that the Companies have replaced the retrenched workers with cheap contract labour.

GERAN² TANAH KAPADA KAMPONG² BARU

18. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan:

- (a) sama ada ia akan mengeluarkan arahan dengan segera untuk memberi geran² tanah kapada 750,000 penduduk² kampung baru di-seluruh negara yang mempunyai Lesen Penempatan Sementara dan bukan-nya hanya di-Perak di-mana gerila² sedang aktif,
- (b) memberi sebab kenapa di-tahun² yang lalu penduduk² ini tidak di-beri hak milek tetap; dan
- (c) angka² untuk
 - (i) jumlah penduduk² kampung baru yang telah di-beri hak milek di-tanah yang mereka dudoki sekarang; dan
 - (ii) jumlah mereka yang maseh mempunyai Lesen Penempatan Sementara.

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Mohamed Ghazali bin Haji Jawi):

- (a) Arahan telah pun di-keluarkan oleh semua Kerajaan Negeri di-Malaysia Barat supaya geran² tanah di-keluarkan kapada mereka yang mempunyai Lesen² Penempatan Sementara.
- (b) Sebab² yang di-ketahui ia-lah mereka itu tidak membuat permintaan untuk mendapatkan geran dan bagi mereka yang telah membuat permintaan ini telah di-luluskan tetapi mereka ini tidak menunaikan pembayaran² yang di-kenakan. Bagi mereka yang telah membeli tanah² A/A pula Kerajaan tidak dapat mengeluarkan geran kapada pembeli-nya dengan sebab salah chara penukaran milek ini.
- (c) (i) dan (ii) Jawapan kapada soalan C akan di-beri sa-telah di-jalankan banchi oleh Kerajaan² Negeri.

SEKRETARIAT KOMANWEL— RANCHANGAN BAGI BELIA

19. Tuan Haji Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan apa-kah ranchangan² sa-chara kasar yang sedang di-susun oleh Pengarah Sekretariat Komanwel berthabit dengan Belia² Malaysia, apa-kah asas yang di-gunakan-nya sa-bagai panduan dan ada-kah ranchangan² itu melibatkan latehan di-dalam dan di-luar negara.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah): Buat masa ini Sekretariat Komanwel maseh belum menganjorkan apa² ranchangan belia bukan sahaja bagi Malaysia bahkan juga bagi seluruh Komanwel. Walaupun demikian beberapa kegiatan telah di-jalankan oleh pehak tersebut seperti mengadakan penyelidikan dan seminar² belia untuk wilayah² tertentu seperti di-Afrika, Caribbeans, dan baru² ini di-wilayah Asia/Pasifik.

Menurut jadual-nya, satu persidangan di-perengkat Menteri Belia bagi seluruh Komanwel di-adakan dalam pertengahan tahun 1972 di-mana beberapa kertas kerja berkenaan dengan sekim belia akan di-majukan untuk di-pertimbangkan. Ada-lah di-harapkan bahawa sa-bagai hasil dari persidangan ini nanti akan ujud beberapa ranchangan yang akan memberi faedah kapada belia kita.

(Dengan izin) At this stage the Commonwealth Secretariat has not drawn up any specific youth programmes, not only for Malaysia but also for the whole Commonwealth. However, it has initiated several activities such as conducting surveys and holding regional seminars for Africa, the Caribbean and recently for the Asia/Pacific region. As scheduled, a conference of Commonwealth Ministers of Youth will be held in the middle of 1972 at which a number of working papers on youth schemes will be tabled for discussion. It is expected that as a result of this conference, several youth projects will be launched which will benefit our youth.

SEKOLAH² PERTUKANGAN DI-SARAWAK

20. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan sekolah² pertukangan yang akan

di-bena di-Sarawak di-bawah Ranchangan Malaysia yang kedua.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Dasar dan sistem Pentadbiran Pelajaran di-Sarawak ada-lah di-bawah kawalan Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu hanya dalam 'context' peruntukan yang di-chadangkan untuk Sarawak dalam Pembangunan Malaysia Kedua. Saya di-fahamkan bahawa di-Sarawak sekolah² yang dahulu-nya di-panggil dengan nama sekolah² PERTUKANGAN sekarang ini di-kenali dengan nama sekolah² VOKESHENAL. Mengikut Ranchangan Malaysia Kedua peruntukan telah di-buat untuk membena dua buah sekolah VOKESHENAL, sa-buah di-Sibu dan sa-buah lagi di-Miri.

GURU² BESAR—KEDUDOKAN TARAF

21. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa oleh kerana Kerajaan tidak memberi satu kedudukan yang sepadan dengan taraf guru besar kepada guru² besar, akan timbul satu keadaan yang membantutkan perasaan mereka untuk menunjak ajar guru² di-bawah mereka yang mempunyai kedudukan gaji yang lebih baik; dan jika ya, apakah tindakan yang patut di-ambil supaya perkara tersebut dapat di-atasi.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Perkara ini telah di-kemukakan oleh Pertubuhan Guru² dalam perjumpaan-nya dengan saya pada 3hb dan 4hb Disember, yang lalu. Saya akan mengkaji perkara ini.

MAHASISWA² UNIVERSITI²/MALAYA/ PULAU PINANG/KEBANGSAAN— KEGIATAN²

22. Tuan Haji Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Pelajaran sama ada benar di-Universiti Malaya, Universiti Pulau Pinang dan Universiti Kebangsaan ada mahasiswa yang menjadi anasir² anti-akademik dan anti-intellectual, dan

- (a) nyatakan kegiatan² mereka;
- (b) apa-kah langkah² yang telah atau sedang di-perbuat bagi mencheegah perkara tersebut; dan
- (c) ada-kah anasir² ini termasuk juga pen-sarah dan mahaguru.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Saya tidak faham tentang apa yang di-maksudkan dengan perkataan² "anti-academic" dan "anti-intellectual". Oleh itu saya tidak-lah dapat menjawab soalan ini.

SIARAN² PARTI² PEMBANGKANG DI-SARAWAK—MEMULAUKAN

23. Tuan Luhut Wan minta Menteri Dengan Tugas² Khas dan Menteri Penerangan menerangkan, walau pun beliau telah memberi jaminan² di-masa² yang lampau, mengapakah Perkhidmatan Penerangan, Radio Malaysia (Sarawak) dan BERNAMA di-Sarawak telah tidak mengindahkan jaminan beliau dan nampak-nya mereka telah memulaukan siaran² parti² politik Pembangkang di-Sarawak.

Menteri Dengan Tugas² Khas dan Menteri Penerangan (Tan Sri Mohammad Ghazali bin Shafie): Sa-tahu saya tidak-lah ada sa-barang pemulauan oleh pihak Jabatan Penerangan, Radio Malaysia Sarawak dan BERNAMA. Saya ta' perchaya yang BERNAMA, satu agensi berita, dengan sengaja-nya, memulaukan siaran² yang di-keluarkan oleh pihak parti pembangkang. Tugas BERNAMA ada-lah menchari berita dan membahagi² kan kepada pelanggan²-nya.

Mengenai Jabatan Penerangan Sarawak, salah satu tugas²-nya ia-lah menerangkan dasar² Kerajaan yang memerintah dan perkara² berchorak perpaduan dan pembangunan masyarakat.

Begitu juga dengan Radio Malaysia, Sarawak (Bahagian Berita), tugas-nya ia-lah menghebahkan berita² yang berchorak perpaduan dan pembangunan masyarakat.

PEGAWAI² KERAJAAN DI-BIDANG PERNIAGAAN

24. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan apa-kah usaha supaya pegawai² Kerajaan dapat berpengalaman dalam bidang perniagaan agar apabila mereka bersara maka mereka dapat menjalankan perniagaan-nya dengan baik.

Perdana Menteri: Pegawai² Kerajaan ada-lah di-kehendaki menumpukan segala masa dan tenaga-nya untuk menjalankan tugas² yang di-berikan kepada mereka. Oleh itu Kerajaan tidak mengadakan usaha untuk memberi pengalaman berniaga kepada pegawai²-nya. Bagaimana pun untuk anggota²

tentera² Kerajaan ada mengadakan kursus² bagi membolehkan mereka mendapat kemahiran di-dalam satu² bidang kerja supaya mereka dapat bekerja dengan sendiri atau dengan pehak swasta apabila mereka bersara kelak.

KELAS MENGHAFADZ QUR'AN

25. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan apa-kah kemajuan dalam usaha menghafadz Qur'an di-Masjid Negara dan apa-kah rancangan untuk lebeh memajukan-nya.

Perdana Menteri: Kelas Menghafadz Qur'an di-Masjid Negara yang ada sekarang ini telah pun berjalan sejak bulan Jun, 1970 dan penuntut² itu di-jangka tamat pengajian mereka dalam tahun 1973. Sa-ramai 12 orang penuntut sedang mengikuti kelas itu. Peperiksaan untuk menguji kefahaman dan kecekapan membaca di-adakan pada tiap² tahun untuk penuntut² itu.

Satu kemajuan yang telah di-chapai ia-lah sejak Kelas Menghafadz itu di-mulakan dalam tahun 1969, seramai 8 orang penuntut Hafaz Koran yang telah tamat pelajaran mereka di-Masjid Negara telah pun di-hantar untuk melanjutkan pelajaran mereka di-Universiti Al-Azhar, Mesir.

Pada masa akan datang Kelas Hafaz Koran ini akan di-perbesarkan lagi untuk menanggung sa-ramai 40 penuntut. Mungkin juga Kelas Hafaz Koran itu akan di-lanjutkan sa-hingga 5 tahun supaya para lulusan dari kelas² itu akan benar² mahir dengan tidak payah di-hantar ka-luar negeri untuk melanjutkan pelajaran.

KEMUDAHAN² PELABOHAN DI-MALAYSIA

26. Dr Chen Man Hin bertanya kepada Perdana Menteri supaya menerangkan jumlah dan jenis penanam² modal yang di-jangka masuk ka-negeri ini sa-lepas pertemuan beliau dengan "entrepreneurs" di-Amerika Sharikat, Canada serta Jepun.

Perdana Menteri: Dalam lawatan saya ka-Amerika Sharikat, Canada dan Jepun, saya telah memberi ucapan kepada kumpulan² pengusaha, ahli² bank dan ahli² kewangan dan lain² tentang kemudahan² pelaburan di-Malaysia. Saya juga telah bertemu-ramah sa-chara persaorangan dengan

ahli² perniagaan yang terpilih. Beberapa projek² yang tertentu yang di-bincangkan dengan mereka termasuk-lah projek² berkenaan dengan "electronics", limbongan kapal, kimia dan kayu-kayan.

Berikutan dengan pertemuan² ini ada-lah susah untuk meramalkan jumlah pelaburan yang di-jangka akan di-buat di-Malaysia. Walau bagaimana pun, sa-bagai contoh, saya suka menyatakan bahawa apabila projek limbongan kapal di-Johor di-laksanakan, jumlah pelaburan akan berjumlah lebeh kurang \$130 juta dan ini akan memberi peluang² pekerjaan kepada 1,500 pekerja² dalam tahun ketiga perlaksanaan-nya.

KONSEP ASEAN DI-PERLUASKAN

27. Tuan Mustapha bin Hussain minta Menteri Luar Negeri menyatakan bahawa dalam konteks pengechualian Asia Tenggara untuk mempertahankan rantau ini, ada-kah konsep ASEAN boleh di-luaskan untuk meliputi peruntukan pertahanan.

Tun Haji Abdul Razak: Saperti yang diketahui ASEAN ada-lah pertubuhan di-daerah ini yang wujud dengan bertujuan untuk menggalakkan kerjasama sa-rantau dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan antara negara² ahli-nya. Ada-lah menjadi dasar dan keyakinan ASEAN bahawa keamanan dan ketenteraman di-wilayah ini akan dapat di-chapai dengan menaikkan kekayaan negara Asia Tenggara dan membaiki taraf hidup atau "welfare" ra'ayat-nya. Sa-bagai sa-buah pertubuhan yang dinamis ia-nya tentu akan berkembang di-masa hadapan. Ka-arrah mana-kah perkembangan ini dan apa-kah aktiviti² yang akan di-liputi-nya ada-lah bergantung kepada negara² ASEAN sendiri.

Kita tidak fikir ASEAN sa-harus-nya di-perbesarkan dari bidang yang ada sekarang. Persatuan itu sa-harus-nya menumpukan tenaga-nya kepada objektif yang ada sekarang dan tidak di-perluaskan untuk meliputi peratoran² pertahanan.

(*Dengan izin*) ASEAN is, as everyone is aware, a regional organisation of this area conceived and designed principally for the purpose of promoting cooperation in economic, social and cultural matters among its members. It is the belief of ASEAN that the maintenance of peace in this region could be furthered by increasing the wealth of the

countries and the welfare of the peoples of this region. As a dynamic organisation it can and will of course develop as time goes on. What direction that development will take, what activities it will go on to encompass, will necessarily depend on the members of ASEAN.

We do not think ASEAN should go beyond its present scope. The Association should concentrate on the furtherance of its present objectives and not widened to include defence arrangements.

PENGECHUALIAN ASIA TENGGARA

28. Dr Chen Man Hin bertanya kepada Menteri Luar Negeri menyatakan sambutan yang di-terima di-Bangsa² Bersatu terhadap seruan-nya untuk pengechualian Asia Tenggara. Berapa banyak-kah negara yang telah menyatakan sokongan, dan apa-kah pendapat kuasa² besar seperti Amerika Sharikat, Russia dan China mengenai shor tersebut.

Tun Haji Abdul Razak: Chadangan bagi mengechualikan Asia Tenggara belum lagi di-kemukakan kepada Pertubohan Bangsa² Bersatu untuk mendapatkan sokongan-nya. Sa-masa lawatan saya ka-Pertubohan Dunia itu memang tiada apa² chadangan bagi diri saya untuk mendapatkan sokongan Pertubohan Bangsa² Bersatu itu terhadap dasar perkechualian kita itu. Kenyataan yang saya buat berkenaan perkechualian ada-lah satu "policy statement" yang bertujuan untuk menyediakan suasana di-Pertubohan Dunia itu supaya gagasan perkechualian itu akan dapat di-terima pada satu masa yang sesuai.

Berkenaan dengan sambutan kuasa² besar terhadap chadangan ini kita belum lagi mengemukakan chadangan ini dengan resmi kerana ada-lah di-fikirkan masa-nya belum sesuai lagi untuk mengemukakan-nya.

(Dengan izin) The call for the neutralisation of Southeast Asia has never officially been put forward before the United Nations for endorsement or approval. During my recent visit to the United Nations there was certainly no intention on my part to seek endorsement by the United Nations of our neutralisation policy. The statement on neutralisation was intended merely as a policy statement to prepare the grounds for its acceptance at an appropriate time.

As regards the response of the super-powers we have not as yet made any official approach on them regarding the proposal as it is not considered that the present stage is opportune for this purpose.

PENGECHUALIAN ASIA TENGGARA— SAMBUTAN KUASA² BESAR

29. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Luar Negeri menyatakan sambutan dan reaksi—

- (i) Republik Ra'ayat China;
- (ii) Russia;
- (iii) Amerika Sharikat;
- (iv) Republik Indonesia terhadap chadangan Kerajaan Malaysia untuk mengechualikan Asia Tenggara.

Tun Haji Abdul Razak: Chadangan Kerajaan Malaysia bagi pengechualian Tenggara Asia tidak lagi di-kemukakan sa-chara resmi kepada Kerajaan Republik Ra'ayat China, Russia atau pun Amerika Sharikat kerana di-fikirkan pada peringkat perkembangan sekarang ini masa-nya belum sesuai. Oleh itu tidak-lah mungkin pada masa ini bagi mereka memberi sambutan atau reaksi terhadap chadangan tersebut.

Republik Indonesia bersetuju bahawa pengechualian Tenggara Asia ada-lah objektif yang di-kehendaki dan mereka bersama² negara ASEAN yang lain sa-harus-nya menchari jalan dan chara untuk melaksanakan-nya.

(Dengan izin) The Malaysian Government's proposal for the neutralisation of South East Asia has not been put formally to the Governments of the People's Republic of China, the U.S.S.R. or the United States of America as it is not considered that the present stage of development is the opportune time for this. It is therefore not possible now to give their response or reaction to the proposal.

The Republic of Indonesia has agreed that the neutralisation of South East Asia is a desirable objective and that they together with the other countries of ASEAN should explore ways and means of bringing about its realisation.

ORDINAN K.W.S.P.—MEMINDA

30. Tuan Ramli bin Omar bertanya kepada Menteri Kewangan:

- (a) Ada-kah Kerajaan sedar bahawa pencharum² K.W.S.P. apabila genap umur 55 tahun, apabila mengeluarkan charuman K.W.S.P., mendapati bahawa harga rumah atau tanah pada masa itu telah melambong tinggi dan ada-kah Kerajaan berchadang hendak meminda Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi membolehkan pencharum² mengeluarkan wang simpanannya sa-paroh daripada yang ada untuk tujuan membeli rumah/tanah bagi diri mereka dan tanggungan² sa-belum genap umur 55 tahun; dan
- (b) Apa-kah chara² pertolongan yang boleh di-beri kepada pencharum² sa-lain daripada membolehkan mereka mengeluarkan wang 1/3 daripada simpanan sa-belum menchapai umur 55 tahun.

Tun Tan Siew Sin:

- (a) Saya sedar bahawa harga² rumah dan tanah turun naik dari sa-masa ka-samasa bergantung kepada banyak-nya rumah dan tanah itu serta permintaan untuk-nya, tetapi dengan bertambah-nya kawasan² yang di-majukan untuk perumahan maka harga² tanah dan rumah akan lebeh setabil lagi. Saperti yang telah saya umumkan di-dalam Dewan ini pada 9hb Julai, 1971, saya telah mengarahkan Lembaga K.W.S.P. (E.P.F.) supaya mengkaji tentang kemungkinan untuk menolong pencharum K.W.S.P. mendapatkan rumah² sendiri sa-belum mereka bersara, dan Lembaga K.W.S.P. sedang giat memereksa perkara ini. Chadangan ini melibatkan perkara² yang rumit dan untuk mengadakan satu sekim yang saksama sambil memastikan supaya tujuan utama Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk mengadakan ketegohan kewangan pencharum² sa-telah mereka bersara tidak di-abaikan maka akan memakan masa yang lama sedikit sa-belum Lembaga K.W.S.P. dapat mengemukakan satu sekim yang praktik. Saya juga telah mengambil perhatian tentang chadangan Ahli Yang Berhormat yang terkandung dalam soalan

beliau itu supaya pencharum² K.W.S.P. di-benar mengeluarkan sa-bahagian dari wang mereka untuk membolehkan mereka membeli tanah atau rumah sa-belum meningkat masa umur 55 tahun.

- (b) Dari sa-masa ka-samasa ada juga terdapat lain² chara bantuan yang di-timbangkan untuk pencharum² K.W.S.P. Satu daripada chara ia-lah dengan menolong pencharum mendapatkan rumah² sendiri. Ini boleh-lah di-adakan dengan memberi pendahuluan yang tidak payah di-tuntut balek kepada pencharum atau bantuan dalam bentuk pinjaman berdasarkan charuman pencharum dengan K.W.S.P., tetapi ada-lah lebeh di-ingini sa-kiranya pilihan² tersebut di-pertimbangkan berdasarkan masalah besar yang di-kemukakan pada bahagian pertama soalan ini.

(Dengan izin)—

- (a) I am aware that the price of houses and land fluctuates from time to time depending on their availability and the demand for them, but with more and more development of land for housing, there should be stability in the prices of land and houses. As I announced in the House on 9th July, 1971, I have asked the E.P.F. Board to enquire into the feasibility of assisting E.P.F. contributors to acquire their own homes before retirement and the E.P.F. Board is actively engaged in examining this matter. The proposal involves complex issues and in order to work out an equitable scheme, while at the same time ensuring that the main objective of the Employees Provident Fund Ordinance of providing financial security after retirement is not defeated, it will take some time before the E.P.F. Board is able to submit a practicable scheme. I have also taken note of the Honourable Member's suggestion in his question that E.P.F. contributors might be allowed to withdraw a portion of their credits in the E.P.F. for the purpose of buying land or houses before attaining the age of 55 years.
- (b) There are other forms of assistance for E.P.F. contributors which are considered from time to time. Assisting

E.P.F. contributors to acquire their own homes is one form of assistance. This can be a non-refundable advance to the contributor or a loan against his credit with the E.P.F., but it will be appreciated that both these alternatives have to be considered against the larger problem posed in the first part of this question.

TARAF SAH (LEGAL STATUS) KAPADA TABIB² CHINA— MENIMBANGKAN

31. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbangkan pemberian taraf sah (legal status) kepada Tabib² China yang mempunyai kelulusan, dengan hak seperti pendaftaran untuk menjalankan kerja² sa-bagai sa-orang pegawai perubatan, menanda-tangan surat² sakit dan mati, menggunakan alat² tertentu untuk rawatan dan mendapatkan serta memberi ubat² jika mereka rasa perlu.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Kerajaan tidak berchadang untuk memberi taraf sah kepada Tabib² China kerana mereka tidak di-akuⁱ sa-bagai benar² berkelayakan bagi pendaftaran sa-bagai pegawai² perubatan di-bawah Akta Perubatan, 1971 dan oleh itu mereka tidak di-benarkan untuk menanda-tangani siji² perubatan dan kematian atau pun untuk memberi ubat² melainkan ubat² periok (herbs). Akta Perubatan, walau bagaimana pun, membenarkan Tabib² China untuk menggunakan beberapa alat² perubatan dan pembedahan yang tertentu terta'alok kepada beberapa sekatan dan sharat² yang tertentu seperti yang terdapat di-dalam Akta tersebut.

(*Dengan izin*) The Government does not intend granting legal status to Chinese Physicians as they are not recognised as sufficiently qualified for registration as medical officers under the Medical Act, 1971 and as such they will not be allowed to sign medical and death certificates nor to prescribe any medicine other than herbs. The Medical Act, however, does allow Chinese Physicians to use certain medical and surgical instruments subject to certain restrictions and conditions as provided in the Act.

GURU² TAMAT PERSEKOLAHAN SA-BELUM PERANG

32. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa-kah bilangan guru² yang tamat persekolahan sa-belum perang dan mereka itu tamat pula lathen perguruan sa-lepas perang yang mendapat nikmat dari Laporan Aziz (C. 2 \$310-880).

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Untuk mendapatkan bilangan yang di-minta itu maka terpaksa-lah di-pereksa segala rekod perkhidmatan semua guru² dan ini akan mengambil masa yang panjang dan menggunakan tenaga yang banyak. Oleh itu dukachita-lah saya tidak dapat memberikan bilangan yang dikehendaki itu.

PARITI GURU²

33. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa-kah guru² Melayu yang masok UTS 3X tidak di-beri pariti sama dengan guru MTC, sedangkan guru² DTC (UTS 3X) telah di-beri pariti tersebut.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Pariti dengan guru² MTC telah di-berikan kepada guru² DTC atau guru² yang memileki kelulusan perguruan yang sa-taraf dengan DTC yang juga mempunyai SPM atau yang sa-taraf dengan-nya. Bagi guru² Melayu yang di-maksudkan, jika mereka memileki kelulusan SPM atau yang sa-taraf dengan-nya masalah-nya ia-lah sama ada kelulusan perguruan-nya dapat di-iktiraf sa-taraf dengan kelulusan MTC. Walau bagaimana pun ini ada-lah satu perkara yang telah di-kemukakan oleh pehak guru² dalam perjumpaan yang telah saya adakan dari 3hb hingga 7hb Disember, 1971 dahulu dan saya telah menyatakan bahawa saya akan mengkaji-nya dan jika di-dapati menasabah akan di-kemukakan kepada Kerajaan untuk di-pertimbangkan.

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² KUMPULAN WANG DI-SATUKAN (PERBELANJAAN MASOK AKAUN)

Bachan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan bahawa Rang

Undang² yang bernama "Suatu Akta bagi mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Di-Satukan untuk perkhidmatan bagi tahun yang berakhir pada tiga puluh satu hariulan Disember, 1972" di-bacha bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk mendapatkan kebenaran sementara bagi perbelanjaan Kerajaan bagi beberapa bulan permulaan tahun 1972 sa-hingga Rang Undang² Perbekalan, 1972 di-luluskan kelak oleh kedua² Dewan dan mendapat Persetujuan Di-Raja pada tahun hadapan. Peratoran ini ada-lah mengikut Perkara 102 (a) Perlembagaan.

Rang Undang² ini ia-lah untuk membenarkan pengeluaran daripada Kumpulan Wang Di-Satukan jumlah wang sa-banyak \$671,000,010 yang di-anggarkan mustahak bagi perkhidmatan Kerajaan untuk tempoh empat bulan yang pertama tahun 1972 Jadual kepada Rang Undang² ini menyediakan peruntokan² bagi perkhidmatan² tertentu untuk masa itu yang tidak-lah termasuk Kepala Bekalan 59—Jabatan Talikom yang akan di-biaya² oleh sumber²-nya sendiri mengikut Bahagian IIA Akta Talikom, 1950. Perbelanjaan yang di-chadangkan dalam Rang Undang² ini tidak-lah termasuk perbelanjaan tanggungan yang sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alom, tidak di-kehendaki untuk di-luluskan oleh Rang Undang² Perbekalan tahunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usl di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (Bil. 2), 1971

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Usul di-buat oleh Menteri Kewangan dan Masaalah di-chadangkan:

Bahawa menurut peratoran Meshuarat 67c Usul yang berikut ini di-serahkan kapada Jawatan-kuasa sa-buah² Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan ia-itu satu jumlah wang tambahan sa-banyak tidak lebih daripada \$64,387,380 di-belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun Kewangan 1971, dan bagi maksud Kepala² dan Pechahan²-kepala Perbelanjaan tersebut di-ruangan Pertama dan Kedua dalam senarai yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 45 tahun 1971, dan di-untukkan jumlah yang tersebut sa-tentang dengan Kepala² dan Pechahan²-kepala di-ruangan Lapan dan Sembilan senarai itu. (8hb Disember, 1971).

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Tuan Yang di-Pertua, dailog saya dengan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri malangnya di-tamatkan apabila Dewan ini di-tanggohkan pada malam tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri tersebut menyatakan mengapa-kah kawan saya tidak melaporkan kejadian yang tersebut kepada pehak yang berkuasa dan saya hendak beritahu, Tuan Yang di-Pertua, apabila sa-orang membayar wang kepada sa-siapa pun, kebiasaan-nya beliau tidak tengok nombor pegawai itu atau tidak pereksa dengan teliti nama pegawai itu. Kebiasaan-nya kami bayar dan dapat resit dan barangkali kami buangkan ka-dalam longkang. Apabila rakan saya siasat, baharu² itu rakan saya balek kepada Pegawai Kastam itu dan bertanya dan saya telah memberitahu kepada Dewan ini pegawai tersebut menyatakan, "Oh! ini salah \$4, awak ambil \$2 balek, saya boleh simpan \$2."

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu kepada Dewan ini apa yang telah terjadi kepada saya pada dua, tiga tahun yang lalu pada masa itu, Tuan Yang di-Pertua, resit itu yang di-terima oleh saya tarikh itu salah. Tarikh itu yang di-beri kepada saya oleh Pegawai Kastam itu pun salah. Pada pendapat saya maksud-nya kalau saya mengadu kepada beliau, beliau berkata, "Eh, kamu datang pada hari ini, ini tarikh bukan—tak serupa." Pendek kata, saya hendak menhadangkan kepada pihak yang berkuasa atau kepada Kerajaan mengambil dua langkah.

Yang pertama pihak yang berkuasa boleh mengambil pemeriksa khas atau spot check dan kalau pihak yang berkuasa siasat resit² sa-umpama-nya resit menunjukkan \$300 dan di-peti itu ada \$400. Kerajaan boleh bertanya kepada pegawai² yang tertentu mengapa-kah resit di-tunjukokkan \$300 tetapi wang di-sini \$400.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, pihak yang berkuasa boleh mengambil langkah ini. Sa-siapa yang pergi bekerja pada masa itu, beliau mesti memberitahu—menulis sana, di-dalam poket saya, saya ada \$10 dan kalau ada pemeriksa khas, Tuan Yang di-Pertua, dan beliau ada \$50 di-dalam poket umpama-nya, beliau mesti terpaksa menerangkan, menjelaskan dengan teliti mengapa-kah beliau telah memberitahu beliau ada \$10 di-dalam poket tetapi pada masa di-pereksa beliau ada \$50.

Tuan Yang di-Pertua, jika chadangan² saya di-terima oleh pihak yang berkuasa, maka pada pendapat saya korupsi di-antara Pegawai² Kastam boleh di-turunkan. Saya tidak harap kami boleh menghapuskan korupsi di-antara Pegawai² Kastam atau di-lain² pejabat masing² di-seluruh negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-nya saya hendak memberitahu terus terang saya tidak menyatakan semua Pegawai² Kastam korap, chuma saya menyatakan ada di-antara Pegawai² Kastam—satu atau dua atau tiga yang ada makan suap dan dengan ini di-harap-lah Kerajaan boleh mengambil tindakan untuk mengurangkan korupsi di-antara jabatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon ingin berchakap dalam Bahasa Inggeris juga.

Tuan Yang di-Pertua, Ranchangan Pembangunan Yang Kedua yang bermula pada tahun ini tujuan-nya ia-lah Kerajaan hendak

menghapuskan kemiskinan dan meninggikan taraf kehidupan tanpa mengira kaum, bangsa, ugama tetapi, Tuan Yang di-Pertua, malangnya di-satu lapangan masyarakat penduduk²-nya tidak dapat beberapa pertolongan atau bantuan atau kemudahan² daripada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, malam tadi kami telah dengar beberapa soalan atau pertanyaan tentang keadaan

Tuan Ali bin Haji Ahmad: (*Dengan izin*) The Honourable Member for Batu should be debating the policy when we come to Order of the Day No. 3. Now the subject in front of us is the Supplementary Development Estimates for 1971. If he wants to debate the policy of development he should be debating it when we come to Order No. 3.

Tuan Yang di-Pertua: I am well aware of it.

Dr Tan Chee Khoon: Thank you, Mr Speaker, Sir, I do not see why any Minister of the Crown should be so touchy regarding whatever matters we bring up. We are debating the Development (Supplementary) Estimates (Bill No. 2) of 1971, under which during the debate on the Motion we can touch on the matter of policy and this is what I am doing. I am seeking

Tuan Yang di-Pertua: Masa sekarang Dasar 'Am Kerajaan yang di-bahath, betul-lah itu. Lepas ini dalam Committee baharu kepada butir²-nya.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, di-antara wang yang di-kehendaki oleh Kerajaan ia-lah wang untuk Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan dan saya hendak pada masa sekarang sentoh sa-patah dua tentang Kerajaan Tempatan. Oleh sebab itu saya hendak memberitahu kepada Dewan ini keadaan di-dalam Kerajaan Tempatan masing² di-seluruh negeri ini.

Mr Speaker, Sir, I shall be very short. It is no secret that the new villagers in this country have not been given a fair deal and to that extent, the Government has already stated that it has a Committee at a very high level to investigate into the living conditions of the new villagers. The Government has tried to hide behind the *sarong* of the various State Governments by saying, "Well, you

know, land is not a Federal matter, land is a state matter, and therefore we cannot interfere." That is true, Mr Speaker, Sir. But, Mr Speaker, Sir, what is needed by the new villagers, amongst other things, other than land, are things like electricity, road, water and health services. I just wish to say that in my own constituency of Batu, which is not very far from this House, as the crow flies, it is probably less than three miles, although Jinjang has

Tuan Yang di-Pertua: Now you are going into the details. It should be in the Committee Stage.

Dr Tan Chee Khoon: Okay, Mr Speaker, Sir. I will just say that these facilities are not forthcoming from the Federal Government, and I do hope that the Federal Government will set up various schemes in order to improve the standard of living of the people in the new villages. They have been denied a fair deal for the last two decades, and I call on the Government not to waste any more time or too much time in looking too deeply into the question of the shortcomings of the living conditions of the new villagers but to see that they do get what I have mentioned before, roads, electricity, water and health facilities. Here, I notice, Mr Speaker, Sir, that the Honourable Minister of Health is present and Jinjang has no Health Centre although it is such a big place. I will relate to this House what happened perhaps more than ten years ago. In 1959, I do know for certain that there was a scheme for the building of a Health Centre in Jinjang. But, unfortunately, the Alliance candidate lost in Batu in 1959. The then Minister of Health just scrapped it off the map. Just as simple as that, and to this day the people of Jinjang have been denied of a health centre.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, you gave permission to debate on general principles; and if the Honourable Member talks on "Jinjang", that is detail. We are giving facilities according to the priorities. From Jinjang to General Hospital, it is just a matter of one mile or two miles. But write to me and not just seek cheap publicity here!

Dr Tan Chee Khoon: For the information of the Honourable Minister, before he gets hot under the collar, Mr Speaker, Sir Jinjang

is not one mile from the General Hospital, but it is at least six miles. Anyway, I am not trying to belabour that point, Mr Speaker, Sir.

Mr Speaker, Sir, there is an allocation for the Malaysia Airlines and for the Civil Aviation Department as well. Sir, I am going to bring to the attention of the House about the deplorable conditions pertaining to our Airport. There, Mr Speaker, Sir, I am glad that they are perhaps spending \$100,000 or \$200,000 in repairing the leaks and all that. But we are hoping, Mr Speaker, Sir, to have the Jumbo Jets to come to this country. The two Passport points in the two wings or the two small Customs areas will not be sufficient if the 300 or 400 air passengers who come by the Jumbo Jets are unloaded at Subang and there will be confusion galore. Therefore, I hope, while we are spending millions on the Malaysia Airlines and while we are also improving the Airport, we should also see that we give adequate facilities for passengers who come into this country. I have raised this matter, Mr Speaker, Sir, about four or five years ago but unfortunately, the immigration facilities and the Customs facilities are the same as when the Airport was built and there is a dire need for us to improve these facilities before we get the passengers coming to this country howling. The Honourable Minister of Commerce and Industry is here. Next year he hopes to have PATA coming here; and if the PATA passengers have to wait one or two hours to get their bags cleared, to get through the Customs and immigration, I do not think they will ever want to come to this country again because in other countries you just get through immigration and through customs in a matter of minutes. I dare say that if 200 passengers land in Subang, it will take at least one hour for all the passengers to be cleared. I do hope that the Government will take steps very quickly before the PATA Conference lands on us.

Mr Speaker, Sir, this Supplementary Estimates also seeks to have money to MARDI. I wish to say, Mr Speaker, Sir, that I am a little perturbed that while MARDI says that it wants qualified personnel, not by the tens but perhaps by hundreds—it wants doctors perhaps with a Ph.D. in science; it wants people with Masters; and it wants people with Honours Degrees—yet in the Press one sees quite a number of science graduates,

particularly of Honours Botany graduates, who say that they do not have jobs. Now, I presume MARDI, amongst other things, must have use for botanists in this country and, therefore, I really do not see why if MARDI on the one hands says that it wants qualified scientists in this country who still perhaps are under-employed, if not unemployed.

Mr Speaker, Sir, I notice also that the Government now seeks money by the million for Bank Bumiputra and for PERNAS. Sir, we all agree that we should assist Bank Bumiputra and PERNAS. I have stated it before and I state it again that while we agree that these two statutory bodies should be assisted in every way by the Government, these two bodies and, in particular, PERNAS, should not expand too rapidly because it will spread its tentacles too wide without the required personnel and then one day there will be a mighty crash of a big empire.

The other thing is that it is no secret that the operations of PERNAS are causing a great deal of disquiet and anxiety amongst the peoples of the business community in this country. While I hold no brief for the capitalists in this country, Mr Speaker, Sir, I wish to reiterate here that in the Second Malaysia Plan itself the Government has openly stated that the rights that are enjoyed by those in this country, whether they be individuals or corporations, will not be taken away from them and, therefore, PERNAS should not erode into the rights of the people who are already established in business in this country. Thank you.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail (Muar Dalam): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian sedikit di-dalam perbahathan Anggaran Pembangunan Tambahan ini hanya hendak menyentuh Kepala 144 Pechahan-kepala 23.

Tuan Yang di-Pertua: Itu belum lagi, itu kapada butir², ini kapada dasar am Kerajaan.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail: Tetapi ini dasar.

Tuan Yang di-Pertua: Ini polisi, general policy.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail: General policy yang berhubung dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi tolong sekatkan perbahathan di-atas general policy apabila sampai dalam komiti tiba perkara itu boleh berbahath panjang².

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail: Tetapi ini, Tuan Yang di-Pertua, ini yang berhubung dengan dasar.

Tuan Yang di-Pertua: Sila-lah, saya takut Menteri nanti gadoh.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya dapati daripada peruntukan yang di-pohonkan di-dalam Anggaran Pembangunan ini ada sa-jumlah \$21 juta wang tambahan yang di-kehendaki untuk membeli enam buah kapal terbang Boeing 737 yang berharga \$125 juta—harga termasuk barang² gantian dan kelengkapan pengangkutan.

Pada hemat saya dasar membeli Boeing 737 ini pada masa ini oleh Sharikat Penerbangan Malaysia, yang bertukar nama-nya kali yang kedua ini, mudah²an serasi nama ini, ini ada-lah satu langkah yang kurang bijak. Kerana sa-tahu saya pada masa ini Sharikat Penerbangan Malaysia/Singapura mempunyai 7 buah Boeing 737 ia-itu 5 Boeing 737 jenis 100 dan dua Boeing 737 jenis 200 dan Sharikat Penerbangan Singapura akan datang dia telah membeli 5 daripada 7 ini. Tetapi yang menghairankan saya tentang Sharikat Penerbangan Malaysia ini membeli yang baharu tiga dan yang berjumlah \$125 juta, ini agak saya satu dasar atau satu langkah yang kurang bijak, kerana kita tentu boleh membeli yang baki dua Boeing 737 itu untuk di-gunakan oleh Sharikat Penerbangan Malaysia dengan harga yang sudah tentu murah dan kalau ada faedah dapat daripada pembelian itu maka Kerajaan Malaysia juga sa-bagai mempunyai saham sa-paroh daripada Sharikat Penerbangan Malaysia/Singapura itu faedah-nya dapat kapada Kerajaan.

Dan lagi, Tuan Yang di-Pertua, bagitu juga tentang Sharikat Penerbangan Malaysia ini mengikut keterangan dan dari penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dalam masa mengemukakan Sharikat ini dahulu dalam bulan Julai ia-itu Sharikat ini akan berjalan mulai daripada bulan Januari

tahun 1973. Kalau Sharikat ini hendak berjalan pada tahun 1973 saya tidak nampak ada kebaikan-nya untuk membeli Boeing 737 ini. Kerana pada masa yang akan datang ada beberapa banyak kapal² terbang yang penerbangan jangka pendek ia-itu yang digunakan untuk Malaysia Barat/Malaysia Timor ia-itu domestic flight yang akan menjadi kapal terbang jenerasi baharu seperti mengikut penyiataan saya, ia-itu kapal terbang European Airbus AB 300 kepunyaan 3 negara ia-itu Britain, Peranchis dan Jerman. Kemudian kapal terbang Mecure daripada Peranchis, kapal terbang Lockheed Airbus 10-11 daripada Amerika dan kapal terbang Boeing 2707 juga daripada Amerika. Ini adalah jenis daripada 737 yang pada masa sekarang ini pun pembelian oleh negara, tidak begitu pesat seperti Boeing 707, 727 dan 747. Jadi kalau pada masa ini Sharikat Penerbangan Malaysia telah membeli yang baharu, ini ada-lah kurang bijak. Kalau hendak menantikan perjalanan kita dengan sa-penoh-nya daripada tahun 1973 ada-lah terlebih baik pada hemat saya Sharikat Penerbangan Malaysia ini hanya menyewa atau lease kapal terbang yang sudah di-pakai. Ini ada-lah menyelamatkan wang dan sambil itu memberi peluang untuk Sharikat Penerbangan Malaysia yang akan dapat membeli kapal terbang daripada jenerasi baharu ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, yang kita dapat tahu membaca daripada akhbar ia-itu Sharikat Penerbangan Malaysia ini menggunakan Qantas sa-bagai consultant-nya. Maka pada pendapat saya, Qantas tidak ada sama sa-kali mempunyai Boeing 737 dan sa-sudah itu kita menghantar pula jurutera² kita belajar ka-Australia untuk mengambil latehan supaya dapat menganggotai bahagian kejuruteraan Sharikat Penerbangan Malaysia ini. Pada hal apa yang saya tahu jurutera² Malaysia yang ada di-Australia sekarang dapat di-beri latehan kepada Boeing 747. Ini ada-lah berma'ana membuang wang dan masa bagi jurutera itu belajar di-Australia sa-sudah itu terpaksa jurutera² ini di-hantar ka-lain negeri pula untuk di-biasakan pula—re-orientated dengan kapal² terbang yang jenis 737 yang sudah di-beli oleh Sharikat Penerbangan Malaysia ini. Rasa saya ini adalah satu perkara yang tidak memuaskan dan patut mendapat perhatian yang berat daripada, bukan sahaja pihak Kementerian Pengangkutan bahkan Kerajaan seluruh-nya supaya kesilapan yang saya anggap sa-bagai satu kesilapan atau langkah yang kurang

bijak ini tidak berlaku lagi pada masa² yang akan datang di-dalam perkembangan perjalanan Sharikat Penerbangan Malaysia ini. Ini sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak menyentoh di-perengkat ini.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya adalah mengambil bahagian juga di-dalam per-bincangan ini. Saya chuma menyentoh kepada dasar²-nya sahaja.

Dalam meshuarat yang kita adakan pada masa dahulu, kita semua telah bersetuju ia-itu Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini betul² akan memberi nekmata yang betul² banyak kepada ra'ayat. Dengan sebab itu terutama sa-kali kita mesti-lah memikirkan kedudukan ra'ayat² yang ada di-kampung² yang pada masa ini terutama sa-kali bumiputra yang tersangat² susah, oleh sebab harga getah merosot. Sa-bagai warganegara negeri ini saya menyokong penoh di-atas Anggaran Pembangunan (Tambahan) ini kerana saya memikirkan ia-itu Bank Bumiputra ada-lah satu² bank yang di-tubuhkan oleh Kerajaan Malaysia bagi menolong bumiputra di-negeri ini. Ada banyak bank² di-negeri ini: Kwong Yik Bank, Overseas Chinese Bank, Development Bank, Canton Bank, segala² bank, tetapi bank² ini—sukachita saya menyatakan, tanah Malay Reservation ta'kan di-pedulikan-nya. Jadi dengan ada-nya bank bumiputra ini maka ada-lah future atau pun ada-lah satu perkara yang boleh menolong kepada bumiputra, baik pun di-Malaysia atau pun di-Sarawak dan di-Sabah. Jadi impian bumiputra yang akan maju pada hari akan datang tergantung kepada Bank Bumiputra ini. Dengan sebab itu Anggaran Pembangunan (Tambahan) yang sa-banyak ini, jikalau boleh tambah tiga kali ganda lebih baik. Tetapi dengan syarat-nya Bank Bumiputra ini betul² menjalankan dasar-nya ia-itu menolong bumiputra lebih banyak lagi. Jangan supaya hendak meminjam daripada Bank Bumiputra bawa geran merah, pergi ka-sana: 6 bulan tidak dapat. Di-suroh-nya orang Melayu berniaga, tetapi untuk mengikhtiarkan supaya dapat pinjaman daripada geran merah ini, sa-tahun payah hendak di-dapati. Peluang² untuk berniaga telah terlepas daripada tangan bumiputra.

Dengan sebab itu, saya sokong dengan sa-penoh-nya sa-bagai warganegara dan juga pada meshuarat yang lalu bukan sahaja

Parti Perikatan, tetapi semua parti telah menyokong ia-itu bumiputra-lah yang habis² terkebelakang dalam segala-nya, baik dalam bidang pelajaran, perniagaan dan sa-bagai-nya ada-lah tertinggal ka-belakang. Saya per-chaya parti² lain juga ada-lah menyokong di-atas perkara ini, jika mengikut dasar Kerajaan atau pun di-dalam Perlembagaan kita Fasal 153—Hak² Istimewa Bumiputra ini.

Berkenaan dengan PERNAS dia juga patut di-bantu dan di-beri tambahan yang lebih banyak lagi oleh kerana saya nampak PERNAS juga ada-lah memainkan peranan yang penting untuk mensaimbangkan di-antara ra'ayat² yang miskin ia-itu ra'ayat bumiputra kebanyakan-nya dengan ra'ayat² yang lain. Jadi PERNAS ini juga di-beri modal yang lebih banyak lagi, di-beri tam-bahan yang lebih² banyak lagi, kerana tambahan yang ada sekarang ini, ta' men-chukupi. Tambah lagi sa-hingga 10 kali ganda pun ta' mengapa. Pada hari ini jikalau betul² Kerajaan Perikatan, jikalau betul² hendak menolong bumiputra, kalau terlengah peluang akan habis. Maka sa-lagi matahari itu bersinar, jikalau kita ta' berani kita ragu², bumiputra akan punah. Dengan sebab itu, kalau bumiputra ta' berani lagi ta' menyokong di-atas perkara ini, tidak mahu maju lagi, saya yakin dan perchaya sampai bila pun kita tidak akan maju. Dengan sebab itu, dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun Yang Kedua ini yang telah di-beri tahu oleh Perdana Menteri kita dalam 5 tahun yang akan datang bumiputra ini hendak-lah maju bersama, hendak-lah di-beri kesempatan, hendak-lah di-beri peluang² untuk bumiputra maju di-dalam serba serbi lapangan yang mana di-jalankan oleh orang lain, maka bumiputra mesti-lah menjalankan juga.

Berkenaan dengan perumahan pegawai² Kerajaan, saya ada-lah menyokong di-atas perkara ini mengenai tambahan kewangan. Oleh kerana pegawai² Kerajaan ini apabila dia telah bersara nanti, dia mesti-lah mempunyai rumah untuk tinggal. Dengan sebab itu, saya ada-lah menyokong dengan sa-penoh²-nya tambahan ini supaya dapat mereka itu membeli tanah dan rumah. Tetapi saya juga suka untuk memberi pandangan ia-itu tanah² itu nanti jika di-beli, supaya jangan kena tipu. Saya dengar dan saya dapat tahu, ia-itu tanah² di-Bungsar telah di-beli oleh Perbadanan terlalu mahal

harga-nya sampai \$2 satu kaki, pada hal estet² yang di-keliling Kuala Lumpur ini kalau pun di-beli \$30 ribu sa-ekar ta' sampai \$2 satu kaki harga-nya. Ini terlampau mahal sangat harga-nya, nanti terjadi lagi macham mana terjadi di-Kampung Tunku di-Petaling Jaya. Jadi saya harap perkara ini hendak-lah di-perhatikan dengan berhati² supaya jangan berlaku demikian dan jangan pegawai² Kerajaan yang banyak bergaji kecil itu tertipu di-atas perkara ini. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' James Wong Kim Min (Miri-Subis): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, as the Honourable Member on the other side has just pointed out, it is nearly a year now since the Second Malaysia Plan was inaugurated and up till now we in Sarawak are extremely disappointed, and indeed surprised, that the Bank Bumiputra has not shown itself yet in Sarawak and has not yet established an office in Sarawak.

Mr Speaker, Sir, in the last Council Negri which met about two weeks ago, Sarawak's State Government and the Sarawak Council Negri had made several momentous changes in the Land Code to enable native land, that is land belonging to Bumiputras, to be mortgaged and charged to statutory bodies such as PERNAS, such as MARA, such as the Bank Bumiputra and so on and, therefore, there are great expectations at the moment in Sarawak on the ways and means whereby money and funds can be made available to the natives and the Bumiputras in Sarawak so that they are able to have capital to develop the land which the natives in Sarawak have in plenty. Therefore, Mr Speaker, Sir, we in Sarawak are very, very surprised at this dragging of the feet by the Bank Bumiputra in not establishing an office there. The Government has promised that, within the Second Malaysia Plan, the natives and the Bumiputras of this country will benefit and their standard of living will be uplifted, but as I said earlier on, one year has now gone by, and yet the Bank Bumiputra on which so much depends and where the capital has got to come from has not established itself, and I would here warn the Government that they must not drag their feet on promises made to the people as dragging their feet would cause delays in making available facilities for loans.

The other matter, Sir, which I would like to touch on again is the question of research into suitable crops for planting within Sarawak. We again, in Sarawak, Sir, are also disappointed that not enough research has gone into the types of crops and the suitable crops that should be planted in Sarawak. At the moment—well, I do not know about the Government Side—but definitely among the people in general and in the rural areas in particular, there is a great disquietness and should I say, doubts, misgivings and loss of confidence on what type of crops to plant. Sarawak, Sir, is basically a smallholder country, unlike West Malaysia. There you do not have the estates that you have over here in West Malaysia. Over there every man, every kampung has a little patch of rubber of their own and hence they all more or less depend on rubber, but at the moment we get people coming into the towns and they come and tell us, “You know, now we only get 30 cents a kati for rubber. There is no point in planting rubber.” There is also unfortunately no other alternative crop. The Government has said that they could go in for oil palm planting but here again, the planting of oil palm is restricted to only one or two localities in Sarawak; for instance, in part of the 4th Division and a few hundred acres in the 5th Division. At the pace in which the development of alternative crops in Sarawak is going on, Sir, nothing will be done for the people in Sarawak within the Second Malaysia Plan in as much as finding a suitable type of crop that will really benefit the people and in this respect, Sir, I would ask as a matter of gravity and urgency, the Government to give serious consideration to the establishment of a body; I do not care if it is MARDI or any kind of body, but get this particular body established on the ground in Sarawak to assess quickly and urgently what is the best type of crop to plant as an alternative to rubber.

May I here, Sir, touch also on the question of selling of the crops. I must say this, Sir: that here again we have been very disappointed that as far as Sarawak is concerned FAMA has not done very much there on the ground and has not done very much which is visible to the people in Sarawak in as far as helping in the sales of the products in Sarawak. Sago is a classic case in point. This matter was brought up yesterday and again there are other crops on which again FAMA

should be able to give some guidance and directions to the farmers in Sarawak as to what kind of crop they should plant—not only rubber, and oil palm but even minor crops which the ordinary Bumiputras will be able to plant on their land with loans from MARA, we hope, and with research given, guidance given by the Agriculture Department as to what other crops they should plant so that they will be able to earn some money for themselves now that there is chance for them to charge their land to bodies like MARA and the Bank Bumiputra and get the necessary capital. I do, therefore, ask the Minister concerned to kindly look at this matter and please deal with the points which I very briefly pointed out but which are nevertheless matters of very great importance.

Another point, Sir, which I might touch briefly on again is the question of the M.S.A. I have read the other day, Sir, in the papers that last year M.S.A. had made a stupendous profit of over \$40 million. As one who travels very frequently by M.S.A. aircraft (as is also the case with some of my friends), I have heard grouses that in spite of the big profit M.S.A. is making these days, the services provided by M.S.A. in respect of seats available are, to put it very mildly, Sir, far too short. I mean, people are extremely disappointed, because it is very difficult to book seats with the M.S.A. and to get seats in the M.S.A.; it is always booked up; it is always full; every time it is always full. It is all right for Ministers who are travelling because there are some “block seat” allocations, therefore the Ministers do not feel it very badly as the ordinary man-in-the-street when they require to travel. Therefore I would ask the Honourable Minister of Transport to please make sure that the motto of the M.S.A. is not only to make profits but also to provide service to the public since the M.S.A. or the M.A.L. or the M.A.S. (as you call it later) will be a national body enjoying a monopoly in air traffic. That is all I have to say on this particular day, Sir. Thank you.

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman (Besut): Dato' Yang di-Pertua, oleh kerana sudah menjadi azam dan niat Kerajaan Perikatan di-dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Yang Kedua ini di-dalam anggaran tempoh 30 tahun akan datang ini di-harapkan golongan bumiputra dapat mengambil bahagian sa-kurang²-nya 30% di-dalam

bidang perdagangan dan perusahaan. Maka saya bangun di-sini untuk memberi sokongan yang penoh dengan usul di-bawa oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan terutama sa-kali mengenai dengan penambahan yang di-minta kepada Bank Bumiputra, PERNAS dan juga kepada Kementerian Pertanian dan Tanah.

Dato' Yang di-Pertua, yang saperti sahabat saya dari Kuala Selangor mengatakan tadi bahawa Bank Bumiputra di-tubuhkan di-dalam tanah ayer kita ini ada-lah memberi suatu harapan yang besar dengan kalangan bumiputra kalau dahulu-nya mereka tidak berpeluang mendekati dengan bank² yang ada dalam tanah ayer kita ini dapat dengan ada-nya galakan dan usaha yang di-buat oleh Kerajaan sejak Bank Bumiputra ini di-tubuhkan, maka ramai daripada bumiputra yang berada di-kawasan² luar bandar chuba mendekati dengan Bank Bumiputra ini dengan boleh di-katakan kalau sekarang kita pergi ka-Bank Bumiputra, kita akan dapati berduyun² orang daripada kawasan luar bandar atau pun bersesak² orang daripada luar bandar menyimpan atau pun ramai di-dalam kawasan bank ini.

Apa yang saya maksud, Dato' Yang di-Pertua, kalau kita banding layanan² yang di-dapati daripada kakitangan dan pegawai² yang ada di-Bank Bumiputra dengan bank² yang lain amat-lah jauh sa-kali. Sa-tengah² daripada penyimpan wang dalam Bank Bumiputra ini terpaksa menunggu hampir sa-tengah jam untuk mengeluarkan wang-nya sendiri daripada simpanan-nya tetapi kalau mereka menyimpan di-dalam bank yang lain tidak-lah mesti menunggu masa yang begitu lama. Ini saya tidak-lah hendak menyalahkan sangat kepada pegawai² dan kakitangan yang ada dalam bank ini kerana ma'alom-lah bank ini baharu di-tubuhkan dalam tanah ayer kita ini. Tetapi apa yang saya bimbang oleh kerana bank ini menjadi tumpuan kepada kalangan bumiputra yang baharu mahir dengan chara² bank ini di-sebabkan layanan yang bagini akan timbul satu perasaan merajok, atau pun lain chara dengan bank ini. Jadi dengan sebab itu-lah, Dato' Yang di-Pertua, saya merayu kepada pegawai² yang biasa berada di-dalam bilek yang agak terlindung dalam bank ini chuba-lah sa-kali sa-kala keluar memerhati bagaimana layanan yang di-beri oleh kakitangan di-luar

kapada orang² kebanyakan. Kapada orang² terhormat, kapada orang² yang berpangkat tinggi tidak begitu susah kerana mereka terus masok dalam bilek yang terlindung hanya-lah dalam tempoh 5 minit sahaja dapat di-keluarkan apa yang di-kehendaki itu.

Yang kedua, Dato' Yang di-Pertua, mengenai dengan PERNAS, harapan ahli² perniagaan dan perdagangan bumiputra kapada PERNAS ini terlalu tinggi. Dan usaha yang telah di-jalankan sa-takat ini oleh pegawai² dan pehak² atasan nampak-nya begitu maju dan dengan kemajuan² yang telah di-dapati sa-takat ini menambahkan lagi harapan bahawa apa yang di-janjikan oleh Kerajaan di-dalam tempoh 30 tahun akan datang ini membolehkan orang Melayu, atau pun kalangan bumiputra mendapat tempat sa-kurang²-nya 30% di-dalam bidang perniagaan dan perdagangan. Apa yang saya bimbang, Dato' Yang di-Pertua, oleh kerana sedikit sa-banyak di-dalam penubuhan PERNAS ini menimbulkan perasaan shak wasangka di-kalangan sa-tengah² pehak yang tertentu di-dalam tanah ayer kita ini, maka dengan ada-nya publicity yang terlampau lebeh saperti yang ada sekarang ini bagi kalangan yang tertentu yang churiga dengan PERNAS ini tentu-lah menakutkan mereka dengan publicity yang begitu lebeh dan dengan publicity yang lebeh tadi pula memberi harapan yang besar kapada gulungan bumiputra yang menunggu perkara² yang hendak di-buatkan oleh PERNAS untuk kepentingan mereka. Jadi, saya bimbang, Dato' Yang di-Pertua, apa yang di-tunggu dengan penoh harapan itu tidak sama menepati dengan statement atau publicity itu, dan apa yang di-gerun dan di-takutkan oleh gulungan itu pun tidak ada; akhir-nya gulungan yang takut dengan gulungan yang menunggu ini bergaduh dengan tidak ada benda yang dapat. Dan apa yang saya dapat faham daripada sa-tengah² ahli² perniagaan, mereka ada rasa kurang senang hati sedikit kapada PERNAS kerana kata-nya banyak sangat red tape di-dalam PERNAS ini. Kerja²-nya yang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya suka hendak mengingatkan kapada Ahli Yang Berhormat dan Ahli² Yang Berhormat yang lain tentang perbahathan ini ia-itu perbahathan hendak mengedarkan usul ini kapada Jawatan-kuasa hanya yang di-benarkan

boleh di-bahath atas dasar² 'am polisi Kerajaan, kelak apabila kita bersidang dalam Jawatan-kuasa maka berhak-lah tiap² Ahli Yang Berhormat menyentoh atas butir² kepala kechil atau pechahan kepala yang di-sebut di-dalam Kertas Bil. 45 ini. Jadi, kalau hendak sentoh atas perjalanan PERNAS, Bank Bumiputra atas lewat orang hendak menukarkan wang itu boleh-lah di-sentoh apabila kita berbath dalam Jawatan-kuasa. Dalam perbahathan ketika ini boleh kita menyentohkan sahaja atas dasar Kerajaan, mithal-nya ada-kah patut Kerajaan bagi peruntukan banyak kepada PERNAS atau Bank Bumiputra atau lain²-nya. Ini tentu-lah akan menjimatkan masa—menghadkan kepada dasar kasar, dasar 'am Kerajaan berkenaan dengan butir² yang di-sebut di-bawah pechahan-kepala sahaja.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apabila hendak membahathan berkenaan dengan dasar 'am, tidak dapat tidak terpaksa di-sebut nama.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu tidak ada galangan, tetapi jangan-lah di-sebutkan butir² atas pekerjaan sa-suatu pechahan-kepala.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Di-dalam melaksanakan dasar PERNAS saya nampak, Tuan Yang di-Pertua, ahli² perniagaan tidak faham sa-tengah²-nya kenapa di-dalam melantek ajensi² PERNAS. . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu telah berbalek kepada butir²-nya. Bukan dasar Kerajaan, dasar PERNAS. Saya tidak benarkan itu.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dalam meluluskan Anggaran Belanjawan Tambahan, maka beberapa pandangan saya akan kemukakan dalam masaalah projek² yang di-jalankan, yang telah menjadi sungutan kepada ra'ayat dalam negeri ini, bahkan ini juga, Tuan Yang di-Pertua, menjadi sungutan Wakil² Ra'ayat dalam Undangan Negeri yang di-kemukakan pada meshuarat² Negeri.

Di-antara perkara-nya, Tuan Yang di-Pertua, dalam perlaksanaan Kerajaan pada projek² itu ia-itu Kerajaan lebih banyak

mengusahakan ranchangan² pembangunan dan projek² kepada kawasan Menteri², kepada kawasan Ahli Exco, ini ra'ayat nampak, Tuan Yang di-Pertua, mana yang lebih mana yang kurang dan masaalah ini boleh kita katakan bahawa segala ranchangan tiap² daerah itu di-binchangkan oleh Majlis Jawatan-kuasa Tindakan Daerah, tetapi kata pemutus, kata muktamad ada di-tangan Ahli² Exco dalam negeri. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab wang ini di-alirkan daripada Kerajaan Pusat, Kerajaan Persekutuan maka hendak-lah saya mengharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya berunding dengan Ketua² Menteri, berunding dengan Menteri² Besar pada melaksanakan projek², ranchangan² supaya adil ka-seluruh kawasan, ka-semua ra'ayat supaya dapat menikmati. Ini perkara penting, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentoh dalam masaalah Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan. Dalam Kementerian ini ada menguruskan berhubung dengan penchetakan. Penhetak ini tujuannya mengeluarkan segala risalah² dan buku² yang ada hubungan Kerajaan dengan ra'ayat, termasuk-lah Bill yang akan di-kemukakan oleh Dewan Ra'ayat Kenapa penchetakan ini mengeluarkan Bill dan Kertas Meshuarat hingga akhir masa kita hendak bermeshuarat pada 8hb Disember, padahal masalah² ini yang hendak di-semak, yang hendak di-kaji oleh Wakil² Ra'ayat, untuk mengemukakan kepada Dewan ini. Saya harap perkara ini juga supaya dapat di-ambil perhatian perkara² yang ada hubungan dengan Wakil² Ra'ayat, hubungan dengan ra'ayat, hubungan dengan Kerajaan supaya dapat di-segerakan sa-beberapa dapat yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentoh dalam bahagian Kementerian Pertanian dan Tanah. Di-antara satu badan yang sangat penting menurut hemah saya, yang telah di-kemukakan oleh rakan sa-jawat saya, Ahli Yang Berhormat dari Batu, ia-itu MARDI Institiut Penyelidikan dan Kema-juan Pertanian Malaysia, telah di-tubuhkan dalam tahun 1969, tetapi Tuan Yang di-Pertua, peladang² kita, petani² kita sentiasa tertunggu² akan kehasilan ini. bahkan, hendak mengeringkan lada kering itu pun badan ini belum berupaya, Tuan Yang di-Pertua, dan lada boleh di-keluarkan dalam negeri, boleh di-tanam dalam negeri

ini, kita mesti beli lada daripada luar negeri, ra'ayat dalam negeri ini boleh tanam lada, tetapi tidak boleh mengeringkan lada bagaimana lada yang datang daripada luar negeri. Ini lada, buah²an dan lain² juga. Ranchangan dia ini, Tuan Yang di-Pertua, ada hubungan dengan ra'ayat. Kalau ra'ayat berusaha menanam segala jenis bahan² makanan dan pertanian, tetapi tidak dapat di-pasarkan, tidak dapat di-kilangkan, tidak ada guna-nya, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu saya nampak badan ini sa-wajar-nya di-berikan kaki-tangan yang chukop ia-itu penyelidek perlu di-ambil, sama ada pakar dalam negeri dan juga pakar luar negeri, di-minta di-beri bantuan kepada badan² yang tertentu, badan antara bangsa.

Yang kedua, kekurangan kemudahan makmal dan pusat perhubungan. Tuan Yang di-Pertua, ladang yang di-kehendaki untuk membuat makmal badan penyelidek ini belum di-perolehi hingga sekarang, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana yang telah saya katakan, semua sekali di-kehendaki di-selidek, di-siasat untuk di-proses, di-"tin"-kan atau boleh di-jual dalam negeri dan boleh di-jual di-luar negeri.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, FAMA. Saya hendak kaitkan ini semua, sebab dalam negeri ini, Tuan Yang di-Pertua, ra'ayat ramai sa-kali menumpukan usaha-nya dalam pertanian. FAMA ia-itu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan sejak kemerosotan getah ini, Tuan Yang di-Pertua, petani² kita dan peladang² kita mengubah usaha-nya kepada menanam berbagai² tanaman dan termasuk belia, tetapi ada terjadi, Tuan Yang di-Pertua, di-Trengganu sana, berpikul² limau ini di-buang ka-laut. Baharu² ini tadi, Persatuan Peladang di-Perak beratus² tongkol jagong di-buang, juga di-Kuala Kangsar berpikul lada, sayor dan terong di-buang, termasuk-lah juga ternakan. Usaha FAMA ini, walau pun badan ini baharu, tetapi saya mengharap pada masa yang akan datang memberikan kerjasama yang rapat dengan Jabatan Pertanian dan Tanah supaya dapat Jabatan Pertanian dan Tanah itu menentukan apa tanaman yang sesuai, yang ada pasaran, dapat di-tanam oleh petani² ini dan dengan itu segala hasil usaha-nya dapat di-jadikan wang untuk memewahkan hidup. Tuan Yang di-Pertua, saya sangat menyesali atas usaha² yang di-buat oleh badan ini walau pun telah di-ubah beberapa kali. Di-negeri Johor, Tuan Yang

di-Pertua, nenas, walau pun ada kilang nenas, ada nenas yang tidak boleh di-perkilangkan. Ini satu usaha yang sangat menyusahkan petani² kita dan peladang². Jadi pergantungan dan harapan ra'ayat ini pada FAMA dan MARDI juga.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap dalam perkara Sharikat Penerbangan Malaysia. Saya menguchapkan tahniah kepada Kementerian ini yang telah memilih layang² ia-itu wau sa-bagai simbol sharikat ini dan baharu² ini telah mengubah nama rengkas-nya daripada MAL kepada MAS. Ini sangat baik dan saya harap baik sa-hingga akhir-nya. Sa-lain daripada memberi perkhidmatan penerbangan pada tempat yang tertentu sekarang, sharikat penerbangan ini menurut hemah saya hendak-lah mengadakan perkhidmatan sewa khas dari Malaysia ka-Jeddah untuk mengangkut ra'ayat, membawa ra'ayat dalam negeri ini menunaikan Fardhu Haji, tidak sa-bagaimana sekarang, Tuan Yang di-Pertua, kita menggunakan kapal² sewaan dan borongan, macham² masaalah timbul. Jadi, usaha yang macham ini, kalau daripada England, daripada London kita boleh buat kapal-terbang sewa khas, tetapi kenapa sharikat ini tidak boleh berbuat untuk bakal² Haji kita daripada Malaysia ka-Jeddah.

Jadi, sa-takat ini-lah yang dapat saya katakan, Tuan Yang di-Pertua, sa-kali lagi saya uchapkan terima kasih.

Tuan Abu Bakar bin Umar (Kubang Pasu Barat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk beruchap sa-patah dua di-dalam perbahathan Rang Undang² Anggaran Pembangunan (Tambahan) 1971 ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-belum daripada saya masok memperkatakan di-dalam satu kepala dan sa-lanjut-nya kepada kepala yang kedua dan kepala yang ketiga terlebih dahulu saya mengingatkan kepada Kerajaan yang bahawa wang sa-banyak \$64,387,380 yang telah di-minta oleh Kementerian Kewangan untuk di-belanjakan sa-bagai belanja tambahan dalam pembangunan ini hendak-lah benar² perbelanjaan itu di-tujukan untuk kepentingan membasmi kemiskinan atau pun untuk memperelokkan pembangunan negara kita ini. Saya setuju apa yang telah di-katakan oleh sahabat saya, Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara bersangkut-paut dengan pembangunan yang

di-jalankan atau pun pelaksanaan yang di-jalankan oleh Kerajaan sekarang ini. Kalau di-Negeri Johor pelaksanaan-nya tidak begitu adil di-antara kawasan²

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak katakan Negeri Johor tidak sa-imbang—keseluruhan Malaysia termasuk Kedah.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya akan sampai-lah kepada itu. Kalau di-Negeri Johor perbezaan di-antara kawasan Exco dengan tidak Exco, walhal keseluruhan-nya di-dalam Negeri Perikatan. Perikatan memerintah

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, perkataan Negeri Johor itu, saya ta' terima, saya ta' katakan dalam Majlis ini.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya tarek perkataan Johor. Saya mengatakan di-dalam negara kita ini jikalau ada perbezaan di-antara kawasan² yang di-wakili oleh Parti Perikatan, di-antara Exco dan tidak Exco dengan Menteri Besar, maka apa-tah lagi di-kawasan² yang di-wakili yang terdiri daripada Pembangkang, khas-nya macham di-Negeri Kedah, maka sudah tentu-lah perbezaan² lebeh jauh dan lebeh luas dan lebeh teranak tiri daripada ka-kawasan² yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, maka itu-lah yang saya harap di-dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Yang Kedua ini atau pun di-dalam perbelanjaan wang sa-banyak \$64 juta ini yang di-minta, maka saya berharap-lah supaya pelaksanaan akan berjalan dengan adil dan dengan jujur dan dengan tidak mengira parti dan tidak mengira kaum dan tidak mengira keseluruhan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuhkan sedikit sa-banyak di-dalam soal Bank Bumiputra. Bank Bumiputra samasa ini, Tuan Yang di-Pertua, perjalanan²-nya, saya rasa amat-lah berpuas hati, tetapi apa yang saya berhajat atau pun saya mahu bahawa Bank Bumiputra ini akan lebeh mengambil daya usaha dan akan membelanjakan wang-nya lebeh banyak untuk menolong bumiputra² khas-nya di-waktu setengah daripada bumiputra minta hutang atau minta pinjaman daripada Bank Bumiputra untuk menebuskan tanah² mereka yang telah

tergadai kepada money² lender atau pun chetiar. Sebab apa yang saya tahu pada masa ini untuk meminta pinjaman wang daripada Bank Bumiputra untuk menebuskan tanah² tergadai ta' dapat di-layanan oleh kerana tidak ada satu jaminan yang dapat di-berikan oleh pelanggan atau pun peminta kepada Bank Bumiputra. Maka apa yang saya harap supaya dapat Bank Bumiputra ini menjalankan satu polisi yang memberikan beberapa kesenangan kepada pelanggan² yang memin-takan wang untuk menebuskan gadaian tanah² mereka yang tergadai.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua-nya bersangkut-paut dengan Kementerian Pertanian. Saya dapat tahu pada masa ini Kementerian Pertanian menerusi Bank Pertanian telah memberi pertolongan² kepada penanam² padi sa-bagai memberi keredit baja, atau pun sedikit sa-banyak upah menanam, atau pun upah mentrekerkan tanah² yang di-usahakan oleh petani² dan polisi ini dalam pemikiran saya tidak-lah begitu sesuai atau pun tidak-lah begitu betul dan benar untuk menolongkan petani² ini daripada merengankan bebanan²-nya. Oleh kerana kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, khas-nya di-dalam negeri Kedah, petani² terpaksa menchari wang atau pun menchari hutang daripada money² lender untuk membelanjakan hidup mereka sa-lain daripada yang telah dia berhutang kepada Bank Pertanian sa-bagai keredit itu, maka polisi ini saya fikir ada-lah untuk menambahkan bebanan kepada petani². Maka saya berharap kalau-lah Kementerian Pertanian untuk menolong petani² chuba berikhtiar, atau berusaha supaya memberi satu pinjaman, atau pun satu pertolongan, atau pun satu keredit yang di-panggil Credit Consumption—makna-nya dia berhutang daripada Kerajaan, atau pun Kementerian, atau pun bank mana² jua untuk dia hidup bukan untuk produktif barang² yang di-usahakan; itu-lah yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam soal FAMA. FAMA pada masa ini chuma berusaha dan berikhtiar untuk membuat komplek mengering padi dan tidak pun satu bayangan yang saya nampak walau pun telah di-janji atau pun yang telah di-chakapkan oleh Menteri yang berkenaan yang berkata bahawa FAMA akan mendirikan banyak kilang² untuk mengisar padi dalam negeri Kedah, tetapi sampai hari ini—belum. Maka bererti polisi FAMA sekarang

ini "membeli padi, menjual padi". Dengan polisi membeli padi, menjual padi, saya fikir tidak-lah dapat menambahkan kebaikan bagi petani², tetapi jikalau FAMA membeli padi, menjual beras, saya agak itu akan lebih tepat dan itu akan lebih betul untuk meninggikan taraf hidup petani². Maka saya berharap-lah supaya sa-lekas²-nya, sa-chepat²-nya FAMA ini mendirikan kilang² padi dalam Negeri Kedah supaya tidak-lah tersangat berlaku-nya pertolongan di-antara swasta² yang ada mempunyai kilang² padi dalam Negeri Kedah. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya FAMA di-waktu mengambil satu² tanah untuk komplek atau pun untuk kegunaan-nya yang tanah itu kebetulan-nya kebanyakan dalam negeri Kedah ini dipunyai oleh bumiputra maka saya berharap supaya dapat FAMA atau pun Kementerian Pertanian memikirkan dalam soal harga yang kebanyakan-nya, Tuan Yang di-Pertua, tanah² yang di-beli ada-lah di-kirakan dengan harga market di-waktu itu. Dan saya berharap kalau FAMA hendak membeli tanah bumiputra jangan-lah di-kira dengan harga market sangat oleh kerana ini merugikan orang² petani atau pun bumiputra yang mempunyai tanah.

Dan, Tuan Yang di-Pertua, bersangkut-paut dengan polisi atau pun MARDI yang sekarang ini yang telah di-tugaskan untuk menyelideki tumbuhan² khas-nya tumbuhan pokok padi muda, apa yang saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, sampai sekarang ini walau pun telah membelanjakan banyak juta ringgit untuk menyediakan, MARDI di-tugaskan dia untuk menyelidek padi apa-kah yang baik-nya untuk di-tanam. Apa yang saya dapat tahu kalau tidak silap saya MARDI telah menunjukkan kepada peladang² padi "bahagia"-lah yang baik sa-kali di-tanam. Tetapi apa yang saya tahu padi "bahagia" ini ada-lah satu padi yang chukup² tidak bagus dalam negeri Kedah dan petani² tidak mahu langsung padi "bahagia" untuk menanam-nya. Dan saya berharap MARDI dapat berikhtiar dan berusaha supaya men-chari satu macham padi yang baik bagi petani² dalam negeri Kedah khas-nya.

Dan yang kedua-nya berkenaan dengan penyakit² yang di-dapati dalam negeri Kedah pada masa sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, yang kalau di-tanya kepada pehak Pejabat Pertanian dia pun tidak tahu apa penyakit-nya yang mengenai padi yang tahu-nya padi sa-makin hari sa-makin rendah

pokok-nya dan sa-makin hari sa-makin kechil tangkai padi-nya. Oleh itu, saya berharap kepada Kerajaan supaya berikhtiar dan berusaha bersunggo² moga² dengan MARDI ini dapat memberi pertolongan kepada petani², atau peladang² di-dalam ikhtiar dan usaha untuk meninggikan taraf hidup mereka dengan pertanian. Terima kasih.

Tuan Yeoh Teck Chye (Bukit Bintang):
(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, talking on this supplementary development budget of over \$64 million, it is rather surprising that we find the report saying that another \$6 million is required to be pumped into Bank Bumiputra for the expansion of the bank. Now, we would like to know, I think this House would like to know, what do they mean by expansion. From what I gather when the bank was first started the Government initially put in a capital of \$5 million in order to give the bank the necessary boost and I think it was the intention that the bank was then to carry on at its own expense and, with public support, to be able to expand on its own steam. I also know that the bank has already established very many branches throughout the country and I think it is necessary for us to know for what purpose this \$6 million is to be utilised, because it is inconceivable that the Government still has occasionally, after a few years, to pump additional capital to the bank. Now, this would only indicate that the bank may not be doing as well as it should; otherwise I do not think it is necessary for the Government to involve itself with what we call investment to the tune of \$6 million.

Now, since we are asked to approve this supplementary budget, we feel that it is also important, Mr Speaker, Sir, since we are having the P.A.T.A. Conference early next year, that our roads, in particular the various areas surrounding the town of Kuala Lumpur, should be maintained in very a good condition, but as it is many of the outlying areas, even as near as within a mile radius of Kuala Lumpur, we find that there are very many areas where the roads are in a terrible state of repair. There are no proper street lightings and also the drainage has been very badly neglected.

I do not like to go at this stage into detail, but I think I should mention only one instance where in a very near village called Kampong Pandan—and this matter was

brought to the attention of the authorities—there was a tug-of-war between the Municipality and the State Government as to who was responsible for the maintenance of that particular place. It is shocking that here you have a community who have been living for the past twenty years with no roads, although there was a road reserve, no lightings and no drainage and yet they have been paying quit rent and assessment for the past twenty years and when this was brought to the attention of the authorities, you have this tug-of-war between the two authorities and as a result the people who are involved have to suffer the consequences and until today, I am told, nothing has been done about this. Yet we find that we are trying to budget for so many things but the things that count most, especially the people who are giving the assessment and the people who put the Government in power, have not been given the attention that they should be given.

Mr Speaker, Sir, apart from this, there are also many areas in and around Kuala Lumpur where the people are living in a terrible condition and in great danger to their health. I think this again should be given priority when the Government makes its estimates on expenditure and there should be provision given, especially when we are going to be a City, or rather we are already given City status; it will be a terrible disgrace to Kuala Lumpur if we allow such conditions to exist and to continue to exist without anything being done. Mr Speaker, Sir, I think going into the supplementary budget estimates of over \$64 million, in future when we are talking of all these supplementary budgets, more detailed explanation should be given rather than just generalisation because it does not give us a true picture on what is really required and it would be impossible to scrutinise every item properly until and unless we are given the picture in a clear perspective. I hope that this will be done in future. I just mentioned one instance where, in the case of Bank Bumiputra, merely the word "expansion" was given which is very vague, very misleading and I think it does not show to what extent this bank is utilising the \$6 million. Thank you.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, one result of the Government's ban on the import of China-made goods through other countries,

which came into effect on 21st October, 1971, is the general increase in the price of China-made goods by about 15%. China-made goods are cheap compared to other goods and have been one of the mainstays of the poor in meeting growing economic hardships.

The general increase in the price of China-made goods as a result of the ban on import of China-made goods through Hong Kong or Singapore has added to the economic hardships and sufferings of the poor at a time when they are plagued by mounting unemployment, collapsing price of rubber and the general increase in the cost of living.

The consumers of Malaysia are becoming one of the most exploited classes in the country. The Government has shown no concern for their problems and grievances, and seems more interested in creating a new small class of new rich at the expense of the toiling masses.

The question is looming bigger and bigger whether PERNAS is no more than an instrument to help the enrichment of a small group of Malays at the expense of the ordinary masses of all races. If this is so, then PERNAS will not make any contribution to the solution of the problem of Malay poverty. It will only aggravate the entire problem of general poverty.

Just one final point, Mr Speaker, Sir, I want to refer to the ban on the import of China-made goods through other countries, which has caused a crisis in the field of Chinese medicine in Malaysia. Malaysians have traditionally received their Chinese medical supplies from Hong Kong or Singapore because of the special characteristics of the trade. Firstly, China only exports raw materials, whereas Malaysia needs processed Chinese medical supplies. This processing can at present only be done in Hong Kong or Singapore. Secondly, Malaysians can only get a steady supply of Chinese medical requirements from either Hong Kong or Singapore, as China only does trade during the Spring or Autumn seasons.

If the Government should inflexibly impose its ban on import of China-made goods through other countries, then the supply of Chinese medicine will shrivel and the entire profession and practice of Chinese medicine in Malaysia will suffer a grave blow. This will add another hardship to the poor, many of whom from all races are treated by Chinese physicians for their ills and diseases.

I do not know why such a simple straightforward case for the relaxation of the Government ban and allowing the continued import of Chinese medical supplies through Hong Kong or Singapore should not be heeded and accepted and acted on by the Government.

I, therefore, call on the Government to give an assurance in this House that because of the special characteristics of the trade, Malaysian traders can continue to import Chinese medical supplies through Hong Kong or Singapore. Thank you.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungan): Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengambil bahagian untuk berchakap didalam meluluskan Anggaran Tambahan Pembangunan tahun 1971 ini dengan sa-chara ringkas.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong di-atas chadangan Anggaran Belanja Pembangunan Tambahan yang di-kemukakan oleh Timbalan Menteri Kewangan baharu sekejap tadi. Suka saya menyatakan perkara yang pertama-nya ia-lah berhubung dengan Perbadanan Pembangunan Bandar yang di-kemukakan oleh pehak Kerajaan untuk memajukan bandar dan menempatkan orang² Melayu atau pun kaum bumiputra yang sudah ketinggalan dan telah lari ka-kampong². Saya dapati pehak Kerajaan memang selalu berchakap dan menyeru kepada orang² Melayu dan kaum bumiputra supaya pindah ka-bandar untuk mempersainbang dengan keadaan penduduk² itu di-bandar yang orang² Melayu chukup berkurangan. Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini pehak UDA atau pun Perbadanan Pembangunan Bandar ada-lah terlibat sa-chara langsung di-mana ranchangan² perlu dilaksanakan sa-chara chepat dan lain² ini hendak-lah di-selaraskan dengan sa-chara terator dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya ingin mengingatkan Kerajaan tentang satu perkara di-mana orang Melayu kita memang suka benar untuk menjual tanah kepada orang² lain sa-kira-nya tanah itu di-tawarkan dengan harga yang mahal. Kejadian ini berlaku dari semenjak zaman penjajahan dahulu sa-hingga sa'at kita merdeka sekarang ini yang mana kita dapati di-bandar² besar, mithal-nya di-Kuala Lumpur sendiri ini pun yang dahulu-nya di-punyai oleh orang² Melayu tanah² itu, tetapi dengan tawaran²

yang mahal mereka telah menjual dengan sukarela, mereka telah menjual dengan harapan mendapatkan wang untuk mereka berpindah ka-kampong². Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengshorkan kepada Kerajaan supaya tanah orang Melayu yang hendak di-jual kepada orang lain ini di-beli atau pun di-ambil dan di-bayar dengan harga yang berpatutan kepada pemilek² tanah orang Melayu itu dan di-dirikan bangunan² untuk kepentingan orang Melayu atau pun kaum bumiputra sa-bagaimana yang dikehendaki oleh pehak Kerajaan di-bawah Ranchangan Perbadanan Pembangunan Bandar ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya ingin mengingatkan pula tentang melaksanakan hal ini hendak-lah di-jalankan dengan lebeh terator yang berarti bahawa jaminan untuk mereka berada di-bandar ini mesti ada yang mana peluang² perniagaan hendak-lah di-beri atau pun di-tunjuk kepada mereka dengan lebeh jelas dan lebeh nyata. Sungguh baik sa-kira-nya pehak Kerajaan menyatakan dengan terang² atau pun mengadakan dialogue dengan orang² Melayu yang ingin dudok di-bandar tentang peluang²-nya chara jelas pada mereka. Tidak memadaï dengan kita menyebutkan bahawa orang Melayu hendak-lah berpindah ka-bandar² untuk mengimbangkan dengan kaum yang lain dan tidak memadaï juga kita menyatakan bahawa ini-lah sahaja peluang-nya untuk orang² Melayu dan kaum bumiputra merebut-nya sa-kira-nya tidak maka kita akan ketinggalan, tetapi orang² Melayu yang kebanyakan-nya tidak tahu apa-kah yang hendak mereka rebutkan. Mithal-nya kalau ada ranchangan² yang besar² kebanyakan-nya di-dapati konterektor-nya yang mempunyai modal yang banyak dan orang² ini jarang sa-kali ada pada orang Melayu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu dalam lapangan perniagaan pula sulit untuk mereka menjalankan-nya di-bandar² kerana memang kita tahu di-bandar² kebanyakan-nya di-dudoki oleh orang² bukan Melayu. Sa-kira-nya mereka membuka perniagaan² di-bawah ranchangan saperti ini maka selalu menerima kegagalan. Jadi sa-kira-nya Kerajaan tidak menunjokkan chara yang jelas pada mereka maka saya rasa ranchangan kita akan terbengkalai dan ini-lah kita tidak mahu kerana perkara saperti ini menimbulkan satu perkara yang tidak baik di-masa yang akan datang sebab

dasar kita ia-lah untuk mempersaibangkan di-mana² sahaja penduduk² Malaysia ini di-dalam atau pun di-luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut satu perkara ia-lah berhubung dengan Bank Bumiputra. Saya bersetuju supaya Bank Bumiputra ini kita tambahkan peruntukan lebih banyak daripada keadaan yang ada. Ya, saya setuju dan bersependapat bahawa sa-sungguh-nya pengurusan Bank Bumiputra ini kurang memuaskan. Itu kita boleh mema'afkan kerana memang-lah oleh kerana kepada orang² kita ini lapangan banking ini memang baharu dan kebanyakan mereka ada-lah hanya di-lateh dengan sa-chara chepat, maka keadaan tidak memuaskan itu mesti-lah ada.

Tetapi pihak Kerajaan hendak-lah bersungguh² untuk mengatasi masalah ini dengan menerima pandangan² daripada bukan sahaja Ahli² Dewan Ra'ayat tetapi oleh pandangan² orang ramai melalui surat² khabar dan kritik² yang di-kemukakan oleh ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu, saya ingin mengeshorkan supaya di-tiap² daerah hendak-lah di-adakan chawangan² Bank Bumiputra. Sebab kalau kita hanya adakan di-Ibu² Bandar Negeri sahaja, maka orang² bumiputra yang dudok berjauhan daripada Ibu² Negeri di-tiap² negeri Malaysia ini tidak dapat untuk menyimpan wang atau pun meminjam dan sa-bagai-nya di-Bank Bumiputra ini dan kalau mereka mahu berbuat demikian, terpaksa-lah mereka sengaja pergi jauh dengan tambang lima enam ringgit untuk sampai ka-tempat bank itu di-adakan. Jadi alang-kah baik kalau di-tiap² daerah di-adakan chawangan Bank Bumiputra ini untuk menolong orang² bumiputra ini atau pun kaum² nelayan, kaum tani mengadakan pengurusan atau pun perkiraan dengan pihak bank itu. Hal ini telah di-buat oleh bank² yang lain seperti United Malayan Banking, atau pun bank² perniagaan yang lain yang telah pun bertapak di-negeri kita ini begitu lama, dan walau pun mereka telah ada, saya rasa lebih baik Bank Bumiputra di-kembangkan dengan bank² perniagaan di-tiap² daerah.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin mengambil perhatian berhubung dengan penambahan peruntukan kepada PERNAS yang mana ada di-hadapan kita hari ini. Saya nampak peruntukan ini ada-lah baik dan sa-bagaimana yang di-katakan oleh

sa-orang sahabat saya Ahli Dewan ini sebentar tadi, bahawa PERNAS ini ada-lah menjadi harapan benar² kepada kaum bumiputra untuk menolong orang² Melayu di-dalam lapangan perniagaan. Saya ingin mengingatkan pihak Kerajaan, dengan adanya perbadanan seperti ini hendak-lah diawasi juga tentang kemajuan atau pun kemundoran-nya kerana Badan ini walau bagaimana pun badan yang di-selenggarakan oleh Kerajaan, dan kalau di-selenggarakan oleh Kerajaan, chara² perjalanan-nya pun mungkin akan bersamaan dengan pentadbiran Kerajaan. Sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal perniagaan dan pentadbiran Kerajaan perjalanan-nya ada-lah tidak sama. Ahli² perniagaan bekerja ada-lah lebih chekap daripada pihak Kerajaan. Sa-bagaimana kita dapat saksikan bahawa kalau satu perkara pihak Kerajaan mahu menjalankan-nya, memakan masa sampai setahun, tetapi kalau ahli perniagaan mahu membuat perkara seperti itu tidak memakan masa yang lama seperti itu. Kerana orang² ahli perniagaan ini memang dia bekerja dengan chara bersungguh². Dan saya rasa hal ini memang di-ketahui benar² terutama oleh orang² yang ada dalam Kerajaan sendiri. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya takut PERNAS ini akan mengalami kerugian sa-bagaimana sa-tengah² badan² Kerajaan, sa-tengah² badan Kerajaan Negeri, yang telah mengalami kerugian dengan sebab tertentu. Dan sebab-nya yang saya selalu sebutkan ia-lah menggunakan badan ini untuk tujuan satu golongan, mithal-nya saya sebutkan satu perbadanan yang ada di-jalankan, maka di-lantek orang² dalam golongan yang tertentu menjadi pengurus, menjadi pegawai dan sa-bagai-nya. Yang saya maksudkan lebih jelas ia-lah kalau perbadanan itu di-kendalikan oleh Kerajaan Negeri, maka Kerajaan Negeri melantek orang²-nya, sa-tengah²-nya daripada orang² yang kalah dalam pilihanraya, sa-tengah²-nya daripada orang kuat parti untuk dudok di-dalam badan itu. Sedangkan orang itu tidak ada pengalaman. Jadi ini selalu mendatangkan kerugian, tetapi kalau orang ini ada pengalaman, walau pun orang parti Kerajaan, itu kita tidak hairan-lah, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi dalam hal ini saya ingin juga menyebutkan tentang pemergian rombongan PERNAS keluar negeri baharu² ini. Saya lihat macham rombongan hendak pergi haji,

ramai sangat, kalau ta' salah saya lebih kurang 50 orang rombongan PERNAS yang pergi keluar negeri, pergi ka-Peking dan lain². Jadi chara saperti ini banyak memakan belanja; Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa kalau sa-orang itu belanja-nya \$3,000 kalau 50 orang sudah jadi berapa? Di-tinjau dari segi perniagaan, memang rugi. Kata ahli² perniagaan lebih baik rombongan itu pergi 5 orang sahaja, kerana 5 orang belanja-nya lebih rendah daripada belanja 50 orang, asalkan orang yang pergi itu orang yang benar² berkelayakan. Jangan-lah kita amal-kan lagi mengambil kawan² kita, mari kita pergi ramai², kerana ini ada peruntukan Kerajaan, kita pergi Melawat Sambil Belajar, atau melawat sambil berniaga². Ini chara yang kurang memuaskan, sebab walau macham mana pun keadaan sekarang, apa yang berlaku, ra'ayat ada-lah sedar, chuma kadang² boleh berchakap atau pun ta' boleh berchakap, itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Dan saya minta supaya pehak Kerajaan benar² akan hal ini, kerana harapan ra'ayat kapada Kerajaan untuk menolong kaum bumiputra ini benar² tinggi dan jangan-lah di-main²kan oleh pehak Kerajaan sendiri dan orang²-nya. Sekian, terima kaseh.

Tuan Hashim bin Gera (Parit): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun berchakap bagi menyokong chadangan yang di-kemukakan oleh Timbalan Menteri Kewangan tadi mengenai tambahan wang sa-banyak \$64,381,380 untuk di-gunakan bagi pengurusan Ranchangan Malaysia Yang Kedua. Tujuan Kerajaan ada-lah sangat mulia dan murni, ya'ani apa yang terkandung di-dalam Buku Merah ini.

Ra'ayat di-kampong² terutama di-luar bandar mendengarkan Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini hati-nya riang dan gembira, muka-nya merah berseri² laksana bunga raya yang di-sinar oleh matahari waktu pagi, dan mereka berharap dengan ada-nya Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini akan dapat membena kehidupan mereka atau pun mengubah taraf hidup mereka dan jenerasi yang akan datang sa-olah² sa-titek ayer yang dapat di-minum oleh musafir yang mengembara di-padang pasir. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, jikalau-lah Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini tidak dapat di-nikmati oleh ra'ayat hanya pada theory bukan pada amalan, jadi tidak-lah di-ketahui bagaimana bertambah burok-nya nasib ra'ayat² di-kampong² saperti ra'ayat di-kampong hari ini, sa-telah 4 bulan lama-nya Buku Merah

ini di-luluskan, ra'ayat maseh tertanya² ini di-luluskan, ra'ayat maseh tertanya² apa-kah benda yang hendak di-sogokkan kapada kami orang² kampong—hasil Ranchangan Malaysia Kedua ini—apa-kah benda-nya? Saya pernah bertanya dalam Majlis Tindakan Daerah di-Telok Anson kapada Pegawai Daerah. Pegawai Daerah sendiri menyatakan dia pun ta' tahu; hanya di-dalam Buku Merah ini di-sebutkan pembukaan tanah. Maka baharu² ini di-dalam satu perjumpaan: Pegawai Menanam Getah Sa-mula memberi penerangan kapada orang² kampong, Ranchangan Malaysia Kedua ini ada-lah hendak menolong orang² kampong dengan memberi tanah. Tetapi dengan mempunyai syarat. Orang² kampong mesti-lah mempunyai tanah ta' kurang daripada 5 ekar baharu-lah boleh dapat Kerajaan memberi tanah 3 ekar, dengan menghantar borang permohonan menanam getah sa-mula. Tetapi kalau ra'ayat yang tidak ada tanah, bagaimana dia hendak mendapat tanah itu? Kerajaan hari ini banyak membuka tanah, untuk menanam kelapa sawit atau menanam getah atau menanam kelapa. Semua-nya dengan chara berkumpul, dengan chara ber-sharikat, mengambil modal daripada swasta daripada modal luar negeri. Orang² kampong apa yang mereka boleh dapat? Tanya orang² kampong, Tuan Yang di-Pertua. Ini-lah yang di-mushkilkan oleh ra'ayat hari ini. Hendak di-suruh ra'ayat menanam saham ka-dalam saham MARA atau sa-bagai-nya, ada-lah lebih ma'alom. Di-luar bandar hari ini harga getah chuma 25 sen sa-kati—di-kawasan saya di-Parit. Pagi mereka pergi potong getah, pukul 3 petang maseh basah—dapat sa-ringgit untuk membeli beras, untuk makan-nya sa-hari.

Maka pada pendapat saya sa-bagai sa-orang Wakil Ra'ayat yang selalu menjelajah, Ranchangan Malaysia Kedua ini bukan untuk menolong orang² kampong. Yang sa-benar-nya pada pendapat saya, Ahli² Yang Berhormat yang lain tidak-lah saya tahu, hanya dengan memberi pembukaan tanah kapada mereka. Mereka boleh berusaha membanyakkan hasil pertanian. Kemudian mengenai hasil usaha pertanian ini Kerajaan mesti-lah bertindak mengadakan pasaran. Pernah orang kampong membawa buah limau berguni² ka-bandar Ipoh. Tiba di-sana di-janjikan sa-ratus mithal-nya \$1.50—tetapi apabila tiba di-sana, dia hendak 70 sen. Tanyakan kapada orang lain dia hendak 60

sen. Limau itu akhir-nya di-jual di-tepi jalan, 10 sen 10 biji sebab tidak ada pasaran. Inilah yang mengechewakan hati orang² kampung. Kalau ini-lah chara-nya Ranchangan Malaysia Yang Kedua, mungkin tidak dapat memberi faedah kepada ra'ayat yang tertunggu² akan hasil-nya. Walau pun bukan-nya pehak pemimpin kita mempunyai lampu ajaib, tetapi hendak-lah mereka mengambil perhatian supaya Ranchangan Malaysia Kedua ini, wang yang berjuta² ini tidak akan jatuh kepada jerong² yang hari ini sedang menunggu² mangsa untuk mengambil kesempatan daripada Ranchangan Malaysia Kedua ini. Kalau jadi-lah begitu ini-lah dia sa-bagai kata pantun Melayu:

"Sayang Che' Tom menjual bijan, Pechah balang di-timpa beringin, Bunyi berdentom bukan hujan, Daun lalang di-tiop angin".

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh yang kedua berkenaan dengan Menteri Pengangkutan, ia-itu biasa-lah saya mendengar surat khabar dan penerangan juga di-dalam Dewan yang mulia ini membuka sa-berapa banyak pelabohan² di-Pantai Timor sana untuk memaju, menyenangkan, memunggahkan hasil² dalam negeri, tetapi saya suka mengambil perhatian Yang Berhormat Menteri Pengangkutan ia-itu ada sa-buah bandar pelabohan di-negeri saya yang maju sa-belum perang dahulu tempat memunggah bijeh timah, tempat memunggah kelapa, tempat memunggah getah ia-itu Telok Anson. Tetapi pelabohan Telok Anson hari ini tinggal sahaja tidak siapa yang mahu pedulikan. Gudang²-nya tidak lagi di-penuhi sa-bagaimana sa-belum perang dunia yang kedua dahulu. Jangan-lah sa-bagaimana kata pantun Melayu:

"Ikan sepat ikan chencharu, Ikan keli champor gelama, Sudah dapat orang yang baharu, Orang yang lama tidak di-pedulikan".

Ini-lah dia, Tuan Yang di-Pertua.

Saya tidak-lah berchakap panjang lagi, hanya di-atas dua perkara itu-lah supaya Kerajaan mengambil perhatian atas ranchangan dan tambahan wang Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini dan akan dapat di-laksanakan dengan sempurna memberi faedah kepada ra'ayat. Terima kaseh.

Tuan Fan Yew Teng (Kampar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya hendak memberikan ucapan tahniah kepada

Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan mengenai Perpustakaan Negara yang akan di-tubuhkan di-Jalan Damansara. Tetapi, saya harap Perpustakaan Negara mesti-lah di-jadikan satu sistem bukan bangunan sahaja. Kalau jadi satu bangunan sahaja—bangunan yang sangat besar dan mahal, Perpustakaan Negara itu akan jadi satu lagi prestige project atau projek gajah puteh—white elephant. Saya harap Kementerian ini akan melancarkan satu sistem yang sangat luas seluruh negeri kita bahawa tiap² peringkat kita ada perpustakaan, di-peringkat negeri, di-peringkat daerah dan kawasan² khas-nya kawasan luar bandar—kampung² dan juga kampung² baharu, kerana sekarang di-kampung² dan juga kampung² baharu tidak perlu kita kata perpustakaan tetapi buku atau majallah² dan surat khabar pun sangat kurang. Dan juga saya harap bila Kementerian melancarkan sistem ini atau menganjorkan sistem perpustakaan ini untuk faedah² bukan sahaja murid² sekolah, tetapi termasuk orang dewasa, tiap² perpustakaan di-tiap² peringkat akan termasuk buku² tidak kira apa bahasa, termasuk bahasa Russia, Jerman atau Jepun kalau buku² itu akan memberi faedah kepada orang ramai khas-nya di-dalam bidang sains dan teknologi. Dan saya pun berharap bangunan Perpustakaan negara yang akan di-tubuhkan di-Jalan Damansara itu tidak akan menjadi satu bangunan yang sangat besar dan sangat chantek, itu tidak perlu—tidak guna. Kalau kita ada satu bangunan yang besar sahaja, itu ia-lah satu projek yang sia² sahaja. Saya harap sistem Perpustakaan Negara ini akan ada perhubungan dengan Kementerian Pelajaran di-dalam sistem perpustakaan untuk sekolah² di-seluruh negeri. Terima kaseh.

Dr Chen Man Hin (Seremban Timor):

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, one of the stated objectives of the Government has always been that it intends to uplift the standard of living of the poor and the progress of the country and increase trade, commerce and industry. But today we have here an allocation for MARDI where there is no explanation as to what the allocation is for, and there is no explanation in detail as to how far MARDI has progressed in the Government's efforts to re-vitalise the economy of the country now that the rubber price has gone down so much and that there is also a depressed price of timber and we do

not know whether there has been a co-ordinated effort in research between MARDI and sister organisations like RRI and other research bodies. Instead, we are asked to approve a provision in the estimates, on the face of it, with no explanation whatsoever.

Then there is also often the talk that the Government intends to promote tourism for the benefit of the country, but what do we see in practice? At the Johore Causeway we know that tourists come by the hundreds a day—especially during holidays and Sundays thousands of them cross the Causeway—Singapore tourists as well as international tourists. But, unfortunately because of the congestion and jams at the Customs and Immigration Control Gate, at that point, hundreds of cars and thousands of tourists are held back for an hour or more. Do we want to deprive the poor man earning an income by selling satay in Johore or similarly in other parts of the country which enjoy tourist patronage—Mersing, Port Dickson, Malacca? I, therefore, ask and urge the Ministries concerned, especially the Ministry of Commerce and Industry, the Immigration authorities, and the Customs authorities to try and solve this terrific jam that has occurred and is occurring daily at the Johore Bahru Causeway.

The other thing is this. We do not understand Government's methods of trying to help the Malays. We all know that Government has various agencies to promote the interests of the Malays, so that they can participate in business, economic activities, and also to integrate them in the industrial and commercial world. Well and good. We are all in agreement. There is no objection to that. But the way it is going about it, that is questionable and it has caused concern among the business people and the small traders. It is not just to PERNAS alone that the principle should apply. It should also apply to all Government Agencies. We all want to help the Malays and natives in business, but at the same time, as the Prime Minister himself has said, we should also try to help the poor of other races. But what has it done? The Government has, instead, imposed a ban, as my colleague earlier has said, on the importation of China-made goods from China through Hongkong or

Singapore. It has also levied a $\frac{1}{2}$ per cent tax. It has also insisted that licences be obtained in order to import these goods. Are these measures necessary?

I am sure the Government with all its specialist advice, with all the technocrats at its command, can make PERNAS or any other Government agency to serve a more useful role not only for itself, but also to promote the national economy. They try to be monopolistic, to control the whole market, like in the case of goods from China in particular, why should it be, since there is so much to go around, so much to spread around? Why should it be monopolistic? Let PERNAS or any other Government agency play a more dynamic or a catalytic role. Set the lead to create more markets; go to China, go to any other country in the world, set the lead by all means, but when you come back, let your business be done through your usual traditional channels—the entrepreneurs, the small businessmen, the traders, but instead of which you have created a system whereby you cause tension, suspicion and frustration. "All right", they say, "We will go and get the permit from the authorities to import goods from China", but they are made to wait for long intervals; then they are given licences to import a small amount of goods. What can they do? At least there must be a sufficient circulation of goods for them to trade and to have established credit with their creditors. You cut away the source of credit with their usual traditional channels in Singapore and Hongkong—and they are at a loss. Who is going to finance them, these small businessmen? And in the end who loses? Not just the businessmen, the small traders. In the end it is the consumer—you and I. In the end, it is the consumer, who is made to pay for all the delay, for the bureaucratic red tape, for the expenses which they have to incur to get these licences and for the break in the supply of goods. Therefore I call upon the Government to adopt a more rational and a more wise attitude in the management of its Government agencies. Rather than trying to control the business, it must serve as a leader, a catalytic force, create more markets to generate the economy by smoothening the process for all the people and not only for PERNAS and other Government agencies, but also to the small traders and investors. In that way the small man-in-the-street need not have to pay more than he should for the

goods he has to buy essential commodities like clothing, rice and sugar, and the most important of all, medicine when they are sick. Thank you.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Anggaran Pembangunan (Tambahan) bagi tahun 1971 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menarek perhatian kedua² Kementerian ia-itu Perdana Menteri dan Menteri Kewangan berkenaan dengan hal yang telah berlaku, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam negeri Perlis pada hari ini. Negeri Perlis, Tuan Yang di-Pertua, adalah sa-buah negeri yang kecil, yang hanya penduduk-nya mempunyai 130,000 orang sahaja dan begitu juga kawasan bumi-nya pun kecil, tetapi Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai negeri yang sempadan, saya menganggap negeri Perlis ada-lah negeri yang paling penting sa-kali bagi Malaysia kerana mengikut sejarah² yang lampau negeri Perlis lah yang menjadi pintu yang paling penting sa-kali dalam masa² yang telah lalu. Apa yang saya hendak kemukakan di-sini, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kesusahan² ra'ayat yang berlaku dalam negeri Perlis pada hari ini.

Yang pertama sa-kali berkenaan dengan sempadan. Di-sempadan negeri Perlis dengan negeri Thai, di-masa² yang telah lalu ada sa-buah pekan yang bernama Padang Besar dan di-sabelah pekan Padang Besar itu, di-sabelah Siam begitu juga ada sa-buah pekan yang mana oleh kerana kedua² buah pekan ini di-masa yang lampau menjadi suatu persetujuan di-antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Thai, yang mana pelan-chong² dari Malaysia pada tiap² minggu dapat masuk membeli-belah di-dalam pekan di-dalam negeri Thai dan dengan keadaan yang demikian menjadi-lah suatu tumpuan yang paling ramai sa-kali dalam negeri Perlis dan pekan Padang Besar itu yang mana menjadi banyak kesenangan² bagi ra'ayat dalam negeri itu menchari mata pencharian mereka. Dan apa² lagi sedikit masa yang lampau sa-batang jalan ia-itu Federal Highway daripada Malaysia ini dapat menyambong masuk ka-dalam negeri Thai dan dapat ka-Hadnyai dan begitu juga dengan mempunyai suatu checking point yang telah pun di-bena oleh Kerajaan Malaysia dengan Kerjasama Kerajaan Thai di-mana melalui checking point itu-lah

orang-ramai boleh di-katakan pergi dan masuk di-antara Thai dengan Malaysia dengan bebas-nya.

Jadi, baharu² ini apa yang telah berlaku, sempadan itu telah di-tutup, yang mana orang² Malaysia ta' dapat menyeberangi pergi ka-negeri Thai dan begitu juga orang² Thai tidak dapat masuk ka-Malaysia. Jadi, dengan keadaan yang demikian pekan Padang Besar pada hari ini telah menjadi pekan hantu atau ghost town; tidak ada lagi orang² yang pergi ka-sana membeli-belah, pada hal-nya ada satu ranchangan yang besar di-Padang Besar ia-itu mendirikan rumah², kedai. Dengan tertutup-nya perjalanan di-antara kedua² buah negara ini maka jelas-lah perniagaan yang ada di-Padang Besar pada hari ini telah pun di-tutup. Jadi, oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu-lah kepada kedua Kementerian yang berkenaan ia-itu Kewangan dan Perdana Menteri supaya menimbangkan sa-mula bagaimana ke-longgaran² di-beri kepada pelan-chong² di-antara kedua buah negara itu dengan senang sahaja masuk membeli-belah di-Padang Besar dan orang² Thai di-dalam pekan Padang Besar dan begitu orang² yang daripada Malaysia dapat menyeberang masuk ka-dalam pekan di-dalam negeri Thai di-sana ia-itu dengan melalui checking point yang ada sekarang ini, tidak sa-bagaimana yang telah lalu.

Apa yang saya shorkan di-sini kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, supaya dapat menimbangkan di-antara kedua² pekan itu supaya di-jadikan satu free zone, suatu bandar free zone dan sa-lepas daripada zone itu-lah di-adakan checking² point bagi kastam di-Malaysia dan begitu juga kastam negeri Thai. Dengan jalan yang demikian peng-anggoran tidak-lah menjadi sa-bagaimana keadaan sekarang ini. Jadi, dengan kerana penganggoran tidak dapat ra'ayat², pe-muda² yang dalam pekan Padang Besar itu menchari makan. Maka oleh kerana banyak penganggoran, penyeludupan dan sa-bagai-nya telah mendapat kesempatan kerana tidak ada jalan yang halal lagi bagi mereka untuk menchari makan. Jadi, terpaksa-lah juga untuk menchegeh kelaparan, hendak menjagakan anak-pinak mereka maka me-reka itu sanggup menjalankan pekerjaan penyeludupan² saperti mana yang berlaku

pada masa sekarang. Jadi, oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya meminta-lah sa-kali lagi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan bagitu juga kepada Menteri Kewangan supaya mengadakan satu peratoran supaya kedua² tempat itu dapat-lah ra'ayat² dari Malaysia dan Thai membeli-belah saperti keadaan yang telah lalu. Sekian-lah, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):

Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah benar tuduhan yang di-bangkitkan oleh dua orang Ahli Yang Berhormat sa-bentar tadi yang mengatakan bahawa kawasan² yang diwakili oleh Menteri² mendapat kemajuan yang lebeh daripada kawasan² yang lain dalam ranchangan pembangunan. Mithalnya di-kawasan saya sendiri ada maseh banyak lagi kampong² yang belum ada bekalan api, bekalan ayer, jalan raya yang sempurna dan lain² lagi. Ranchangan kemajuan ada-lah di-jalankan menyeluruh di semua kawasan dalam tanah ayer kita dengan tidak mengira siapa-kah yang menjadi wakil dalam kawasan tersebut. Kemajuan yang di-jalankan ada-lah mengikut keperluan yang di-kehendaki bagi sa-suatu tempat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat mengharapakan supaya Kerajaan Pusat tidak menganak-tirikan kawasan² atau pun Negeri yang di-kuasai oleh Parti Pembangkang. Saya suka menarek perhatian Ahli Yang Berhormat itu hanya pada minggu yang lalu sahaja saya telah mengumumkan lebeh daripada \$200 juta akan di-belanjakan dalam Ranchangan Lima Tahun Kedua bagi kemajuan di-negeri Kelantan. Peruntukan itu ada-lah jauh lebeh besar daripada peruntukan sa-tengah² negeri yang di-perintah oleh Parti Perikatan sendiri. Kerajaan Kelantan boleh menerima wang bantuan yang lebeh banyak daripada itu jika sa-kira-nya mereka mahu dan Kerajaan Perikatan—Kerajaan Pusat sedia hendak memberikan apa juga kemajuan yang di-fikirkan layak bagi faedah negeri itu terutama dalam soal pembukaan tanah.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memohon sa-keping tanah sa-luas 250,000 ekar daripada Kerajaan Kelantan. Jika tanah ini dapat di-usahakan di-hetong dengan perbelanjaan panjang tiap² satu

ekar berharga \$1,000 sahaja, maka ini berti \$250 juta lagi akan dapat di-bawa ka-Negeri Kelantan. Saya tidak mengatakan bahawa 250,000 ekar itu boleh di-buka dalam tempoh 4 tahun tempoh baki Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua. Apa yang saya sebutkan tadi jika semua-nya itu dapat di-buka. Dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua yang berbaki 4 tahun ini jika tanah itu di-perolehi ta' dapat tidak sa-bahagian daripada wang itu akan dapat di-belanjakan di-negeri tersebut. Ini terpulang kepada Kerajaan Kelantan sendiri sama ada mahu lagi atau tidak wang sa-banyak yang saya sebutkan tadi. Bagitu juga MARA telah berkali² memberitahu Kerajaan Kelantan tentang keinginan-nya hendak mendirikan kedai² MARA di-mana² sahaja dalam Negeri Kelantan. Ini sudah pasti berkehendakkan perbelanjaan yang banyak juga, tetapi malang-nya permohonan ini belum-lah dapat di-tunaikan oleh Kerajaan Kelantan.

Kemudian wakil dari Kubang Pasu Barat juga mengatakan bahawa FAMA belum lagi mendirikan pengering padi di-Negeri Kedah. Saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa FAMA sedang mendirikan kilang pengering padi di-Simpang Empat Kerpan, Kedah.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan tadi ia-lah kilang mengisar padi.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya suka lanjutkan juga perkataan saya berkenaan dengan pengering padi yang belum di-buat di-negeri lain, tetapi telah di-mulakan di-Negeri Kelantan yang di-perintah oleh Parti PMIP. Dengan keterangan saya ini jelas-lah menunjukkan bahawa Kerajaan Pusat tidak berchandang hendak menganak-tirikan mana² juga kawasan dalam tanah ayer kita ini termasuk negeri yang di-perintah oleh Parti Pembangkang. Bagitu juga usaha hendak membesarkan padang kapal terbang di-Pulau Pinang dan juga ranchangan hendak membena jambatan atau pun tunnel di-antara Pulau Pinang dengan Tanah Besar Malaysia yang memberi faedah kepada Pulau Pinang yang di-kuasai oleh Parti Pembangkang juga menunjukkan hasrat baik Kerajaan Pusat—Kerajaan Perikatan hendak memberi pertolongan semua ra'ayat di-negeri ini.

Kemudian timbul beberapa soal mengenai Bank Bumiputra. Bank Bumiputra telah ditubuhkan mengikut Banking Ordinance di mana bank tersebut terikat dengan beberapa peraturan Banking Ordinance dan Bank Bumiputra ini adalah merupakan sa-buah Commercial Bank atau Bank Perniagaan sara-rupa dengan bank² yang lain.

Soalan yang timbul sama ada kita mahu melihat bank ini maju atau pun mati. Jika kita mahu melihat Bank Bumiputra maju, hendaklah di-biarkan bank itu berjalan sebagai sa-buah commercial bank yang boleh bertanding dengan bank² yang lain. Maju dan mundur sa-sabuah bank tidak begitu besar bergantung kepada modal bank itu sendiri tetapi bergantung kepada kepercayaan orang ramai kepada bank tersebut. Jika sa-kira-nya Bank Bumiputra membelanjakan wang dengan begitu mudah dengan tidak ada mempunyai security—jaminan yang cukup bahawa wang itu dapat di-pungut bales ta' dapat tidak hilang-lah kepercayaan orang ramai kepada bank tersebut. Apabila hilang kepercayaan orang ramai, maka dengan sendiri-nya bank ini akan mati. Saya faham apa yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat dan juga oleh ra'ayat negeri ini untuk menolong orang Melayu dan bumiputra dalam meminjam wang daripada bank, maka sebab itu-lah Kerajaan sedang berusaha menubuhkan sa-buah bank lain yang di-namakan Bank Pembangunan di mana peruntukan ada di-sediakan dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun Yang Kedua yang mungkin akan dapat di-jalankan pada tahun hadapan. Bank Pembangunan ini tidak akan terikat di-bawah Banking Ordinance, maka dengan sebab itu boleh-lah bank ini memberikan pertolongan yang lebih mudah daripada pertolongan yang dapat di-berikan oleh Bank Bumiputra itu sendiri. Ada permintaan supaya Bank Bumiputra menubuhkan chawangan-nya di-seluruh daerah. Sa-bagai sa-buah bank yang ingin maju, saya percaya Pengurus Bank Bumiputra memang mempunyai chita² hendak berbuat seperti itu, tetapi banyak faktor yang mesti di-timbangkan terlebih dahulu.

Yang pertama, ada-kah cukup jumlah orang² yang hendak menggunakan bank ditempat itu. Jika tidak, bank ini akan menanggung kerugian. Begitu juga orang² yang berkelayakan mesti-lah di-sediakan dengan sa-chukup²-nya. Jika tidak, sungutan² daripada orang ramai akan berlanjutan dari-

pada satu masa ka-satu masa di-atas tidak chekap-nya pegawai² itu kelak. Saya suka menyatakan di-sini bahawa Bank Bumiputra ada menjalankan training programme, ia-itu melateh pemuda² bagi menjalankan lebih luas lagi perniagaan Bank Bumiputra yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, banyak juga Ahli² Yang Berhormat yang membangkitkan soal PERNAS. Mithal-nya, Ahli dari Bandar Melaka yang membawa lagu lama yang sentiasa mengatakan bahawa agency Kerajaan hanya untuk memberi pertolongan kepada segelintir manusia sahaja, kepada orang² kaya dengan tidak memperhetungkan kepada orang miskin. Saya tidak tahu sama ada Ahli Yang Berhormat itu berchakap dengan tidak mempunyai pengetahuan dalam soal ekonomi atau pun boleh jadi dengan perasaan tidak jujur hendak menolong bumiputra yang terchichir kebelakang itu.

PERNAS ada-lah berusaha bagi menolong orang Melayu dan bumiputra dalam perniagaan di-semua peringkat sama ada peringkat yang besar, pertengahan juga di-peringkat yang rendah. Jika sa-kira-nya kita mengikut nasihat wakil dari Bandar Melaka supaya PERNAS menolong peniaga² kecil Melayu barangkali yang di-maksudkan-nya orang² Melayu yang berjual goreng pisang di-tepi jalan, atau menjual nasi lemak di-tepi² pinggir pasar, maka tunggu-lah sampai hari kiamat pun usaha hendak memberi pertolongan kepada orang Melayu dalam perniagaan tidak akan terchapai.

Dalam dunia moden dalam negara Malaysia yang sedang maju kita lihat sendiri indasteri² yang raksaksa yang memakan modal puloh, ratus dan ribu ringgit di-dirikan di-tanah ayer kita dan jika PERNAS hanya hendak menolong penjual² goreng pisang di-tepi jalan sahaja, maka tentu-lah maksud kita tidak akan terchapai. Sebab itu saya tegaskan sa-kali lagi bahawa PERNAS adalah menolong semua peniaga², baik pehak atas, pehak tengah dan pehak yang di-bawah. Orang² yang bukan Melayu pun ada-lah juga terdiri daripada tiga golongan yang saya sebutkan tadi.

Kemudian daripada itu, 'Tuan Yang di-Pertua, wakil dari Miri-Subis, Sarawak meminta supaya MARA, FAMA, Bank Bumiputra segera di-kejarkan ka-negeri Sarawak dan beliau dengan megah-nya menyatakan bahawa Undang² Tanah telah di-pinda bagi

membolehkan tanah² itu di-jadikan chagaran bagi pinjaman wang kepada Bank Bumiputra dan MARA. Kepujian itu patut di-beri kepada Kerajaan Perikatan—Kerajaan Champoran Sarawak yang ada sekarang. Sa-patut-nya ranchangan membaiki keadaan tanah di-Sarawak sudah lama di-buat waktu beliau sendiri menjadi Timbalan Ketua Menteri Sarawak dahulu, tetapi beliau tidak jalankan perkara itu. Ini-lah salah satu sebab mengapa MARA tidak di-anggap sa-bagai bumiputra di-Sarawak dan sangat sukar hendak memberikan pinjaman kepada ra'ayat di-negeri itu. Saya suka mengingatkan Ahli yang tersebut bahawa ekonomi negeri Sarawak bergantung sa-bahagian besar-nya daripada pengeluaran kayu balak dan tidak bergantung sangat kepada padi atau pun perniagaan² yang kecil, tetapi malang-nya kayu² balak, hutan² kayu balak yang besar di-Sarawak itu telah di-monopoli, telah di-ambil oleh segelintir orang sahaja dan ini ada-lah pusaka tindakan penjajahan dahulu. Saya berharap sa-lain daripada membawa MARA, FAMA dan Bank Bumiputra untuk memajukan ra'ayat Sarawak, tycoon², pembalak² besar di-Sarawak mungkin termasuk Ahli Yang Berhormat juga patut-lah menimbang bagi memberi gaji yang lebih besar kepada buroh² yang bekerja dengan mereka itu. Ini satu chara yang lebih pesat untuk menolong ra'ayat Sarawak mendapatkan pendapatan yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Dungun dan juga dari Parit mengatakan apa-kah dia yang di-katakan Ranchangan Lima Tahun Kedua. Saya berasa terkejut mendengarkan ucapan seperti ini. Jika kedua² beliau tidak mengerti apa dia yang di-katakan Ranchangan Lima Tahun Kedua mengapa-kah kedua² mereka dan rakan²-nya yang lain telah menyokong ranchangan ini enam bulan dahulu atau lima bulan dahulu waktu kita membahathkan Ranchangan Lima Tahun Kedua itu. Dan wakil dari Dungun mengatakan bahawa orang² kampung tidak tahu apa-kah yang hendak di-buat dalam Ranchangan Lima Tahun Kedua. Di-sini-lah letak-nya beliau yang telah di-pilih oleh ra'ayat untuk menjadi leader bagi memimpin ra'ayat, kalau pun beliau tidak berkuasa dalam negara ini, tetapi sa-kurang²-nya dapat memimpin ra'ayat dalam kawasan beliau yang telah mengundi beliau menjadi ketua dalam kawasan itu untuk memimpin

ra'ayat, dan Kerajaan sedia memberi per-timbangan apa² ranchangan yang boleh memberi faedah kepada ra'ayat di-tempat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timor membangkitkan masalah penoh sesak di-Causeway di-Johor Bahru. Di-sini saya suka menyebutkan bahawa Kerajaan sedang menimbang mengadakan kompelek yang besar bagi menyelesaikan masalah tersebut, oleh kerana masalah ini pinchang berke-hendakkan belanja yang banyak tentu-lah tidak dapat hendak di-jalankan dengan serta-merta. Pembinaan sa-buah lapangan terbang di-Johor Bahru ada-lah merupakan satu chara juga untuk menyelesaikan masalah kesesakan di-Johor Bahru dan di-harap ranchangan itu akan dapat menyenangkan keluar masuk di-antara Singapura dengan Malaysia dalam tempoh yang tidak lama kahadapan.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, sa-belum saya duduk, wakil dari Parit membangkitkan soal menanam getah sa-mula. Ada orang² kampung yang minta bantuan menanam getah sa-mula dan tidak dapat. Itu memang betul. Yang boleh mendapat bantuan menanam getah sa-mula ia-lah orang yang mempunyai kebun getah dan oleh kerana wang itu berlebihan, maka mereka di-beri peluang membuka tanah² baharu. Orang yang tidak mempunyai kebun getah memang tidak boleh dapat bantuan ini, tetapi Kerajaan menyediakan ranchangan yang lain seperti F.L.D.A dan lain² dalam Ranchangan Lima Tahun Kedua bagi menolong mereka yang tidak mempunyai tanah langsung.

Menteri Pengangkutan (Dato Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menjawab sedikit soal yang di-timbulkan oleh Ahli² Yang Berhormat tadi. Soal yang pertama ia-lah soal yang di-timbulkan dari Muar Dalam ia-itu berkenaan dengan pembelian M.A.S. kepada Boeing 737 jenis 200 yang kita telah order baharu² ini. Kita telah membeli jenis kapal-terbang yang baharu ini di-sebabkan kapal-terbang baharu ini ada-lah di-fikirkan paling sesuai bagi kegunaan kita. Yang kedua, betul kita mempunyai kapal, bersama² dengan Kerajaan Singapura pada waktu ini, tetapi di-sebabkan belum ada penyelesaian berapa buah kapal-terbang yang akan jatuh kepada

mereka dan berapa kapada kita, itu-lah daripada sebab² yang kita terpaksa mesti membeli lebih awal, kerana kalau sudah sampai waktu kita mengadakan perkhidmatan sendiri, kita tidak mempunyai kapal terbang yang cukup, sudah tentu menjadi satu masalah yang besar lagi kapada perkhidmatan penerbangan awam dalam negeri ini. Dengan sebab itu-lah kita telah membeli kapal terbang Boeing 737 jenis 200 yang telah pun kita pesan 6 buah pada waktu ini.

Chadangan Ahli² Yang Berhormat yang lain itu kita akan ambil perhatian dan masa² chadangan yang di-fikirkan berfaedah kita akan buat panduan untuk membuat pekerjaan kita.

Berkenaan dengan tegoran Yang Berhormat daripada Batu ia-itu berkenaan dengan kekurangan² facilities di-Kuala Lumpur Airport, maka di-sini ingin-lah saya memberitahu kapada Dewan ini yang master plan study sudah pun di-ambil bukan sahaja kapada Kuala Lumpur Airport tetapi juga lapangan² terbang seperti di-Kuching, Sandakan dan Penang dan study ini sudah pun hampir siap dan bila sahaja semua ini selesai kekurangan² facilities yang disebutkan itu kita akan adakan, atau kita akan perbaiki lagi.

Berkenaan dengan tegoran Yang Berhormat daripada Miri-Subis yang mengatakan service di-Sarawak pada waktu ini tidak memuaskan terutama sa-kali di-antara Kuching dan Sibul. Ini Kementerian saya pun sedar dan tindakan sedang pun di-ambil untuk mengatasi-nya.

Berkenaan dengan chadangan Yang Berhormat daripada Muar Utara supaya kita akan mengadakan chartered flight ka-Jedah, ini juga kita akan timbangkan dan bila perlu kita akan adakan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Batu pada hari semalam telah menyebutkan tentang perbuatan salah atau pun corruption yang di-lakukan oleh Pegawai Kastam, suka-lah saya menyatakan kapada Dewan ini ia-itu pada dasar-nya pihak Kerajaan dan juga pihak Jabatan Kastam sentiasa mengamill berat dan memperbaiki serta membersehhkan perkhidmatan kastam yang ada di-dalam negeri ini dan saya suka-lah kalau Ahli Yang Berhormat itu dapat memberikan keterangan yang lebih lanjut kapada pihak, sama ada

kapada Jabatan Kastam, atau pun kapada Kementerian Kewangan berkenaan dengan perbuatan kecurangan yang di-sebutkan itu di-sini suka-lah saya menyatakan jikalau dibandingkan dengan kebanyakan negeri² yang ada di-Asia dan di-Afrika ini, Jabatan Kastam kita ada-lah terjumlah di-dalam golongan Jabatan² Kastam yang paling bersehh dan yang paling baik. Walau pun begitu pihak Kerajaan sentiasa berusaha untuk memperbaiki lagi, untuk membersehhkan lagi Jabatan Kastam daripada sa-barang perbuatan yang salah.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang bertanya, kenapa-kah di-tambah peruntukan sa-banyak \$6½ juta kapada Bank Bumiputra sedangkan sa-bagaimana yang di-nyatakan di-sini ia-lah untuk perkembangan atau expansion Bank Bumiputera. Suka-lah saya menyatakan ia-itu sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat itu sendiri patut tahu, sebab beliau bekerja di-dalam perdagangan bank, bank yang ada di-dalam negeri kita ini terta'alok di-bawah Banking Ordinance. Kalau bank itu menerima sekian banyak deposit, memberikan sekian banyak pinjaman, maka bank tersebut mesti-lah ada paid-up capital sekian banyak, ya'ani dalam bahasa Inggeris-nya, Tuan Yang di-Pertua, a bank must have a certain amount of paid-up capital before it can do certain volume of lending, before it can accept a certain amount of deposit. There is a proportion, a ratio or percentage. So to cope with the increased activities or the increased expansion of Bank Bumiputra, it is found necessary that the paid-up capital of Bank Bumiputra be increased and, that is why, the Government increased the vote for Bank Bumiputra by another amount of \$6½ million. I hope the Honourable Member can understand and I hope the Honourable Member do not entertain any doubt about the healthiness or about the good practices, according to the Banking Ordinance of Bank Bumiputra.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka dan juga dari Seremban Timor nampak-nya tidak bersetuju dengan chara Kerajaan hendak mengadakan perdagangan sa-chara langsung atau pun hendak menuju ka-araf direct trade.

Tuan Yang di-Pertua, perkara dasar, sa-berapa dapat, kita hendak mengadakan direct trade atau pun perdagangan sa-chara langsung dengan negeri² yang asal dan

meninggalkan orang-tengah. Ini ada-lah satu dasar yang di-ikuti oleh banyak negara dan ada-lah satu dasar yang baik. Kalau kita berdagang dengan negeri China kenapa-kah kita mesti memberikan peluang kepada orang-tengah di-Singapura atau di-Hong Kong atau di-mana pun untuk mendapat keuntungan dengan tidak fasal² sa-mata² sa-bagai orang-tengah. Jadi di-sini, Tuan Yang di-Pertua, saya merasa churiga di-mana-kah letak-nya kepentingan atau ta'at setia Parti DAP yang ada di-dalam negeri ini. Nampak-nya mereka itu tidak memperjuangkan kepentingan negara Malaysia ini, mereka memperjuangkan kepentingan negara² di-luar Malaysia. Ini-lah pada asasi-nya yang dapat saya tafsirkan tentang Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka dan Seremban Timor yang merupakan pemimpin Parti DAP sama ada di-luar dan di-dalam Dewan ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Bahawa menurut Peratoran 67c Usul dan Anggaran Pembangunan, 1971, di-serah kepada Jawatan-kuasa sa-buah² Majlis.

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Kepala 100—

Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Pengerusi, saya berdiri di-sini ada-lah mengalu²kan satu peruntokan baharu yang di-buat oleh Jabatan Perdana Menteri ia-itu berhubung dengan Pembangunan Bandar dan Perumahan. Memang-lah ranchangan ini sentiasa di-tunggu² dan di-nanti² oleh ra'ayat² terutama sa-kali gulongan bumi-putra yang mahu hidup bersama di-dalam bandar, yang mahu bersama² maju, berdiri sama tinggi dan dudok sama rendah dengan lain² bangsa yang ada di-Malaysia ini yang telah lama menekmati hasil negeri sejak beratus² tahun dahulu sa-hingga sekarang. Saya amat bershukor kepada Allah kerana di-atas kesedaran Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri ini telah membuat peruntokan² yang sesuai dengan keadaan masa.

Saya tidak-lah mengambil masa yang panjang tetapi hanya untuk menarek perhatian Jabatan Perdana Menteri yang berkenaan berhubung dengan pembangunan bandar² di-dalam negeri Perlis ia-itu dalam

negeri saya sendiri terutama sa-kali ia-lah di-dalam bandar Kangar yang menjadi ibu bagi negeri Perlis.

Sa-bagaimana yang saya sebutkan bahawa walau pun Bandar Kangar, menjadi ibu dalam negeri Perlis, tetapi oleh sebab beberapa perkara maka perniagaan negeri Perlis sekarang menjadi begitu merosot terutama sa-kali terhalang-nya pelanchong² yang datang, yang melanchong atau melawat di-Bandar Padang Besar oleh sebab sekatan imigereshen yang terlalu ketat sekarang ini.

Sebab yang kedua mengapa Bandar Kangar jadi begitu sepi sekarang ini ia-lah tidak lagi di-buka kerana dengan ada-nya jalan baharu daripada Kangar ka-Alor Star, tidak lagi mengikut Jitra yang dekat-nya lebih kurang 10 batu daripada jalan lama. Maka dengan sebab itu-lah tidak ramai lagi orang² dalam negeri Perlis sendiri bertumpu di-bandar ini, tetapi boleh di-katakan orang² yang mendiami di-kawasan selatan Negeri Perlis semua-nya bertumpu ka-Alor Star. Mereka hanya datang ka-Kangar—hanya oleh sebab urusan pejabat, terutama urusan mahkamah dan juga pejabat tanah dan lain² urusan kechil sahaja. Sedang barang keperluan mereka atau termasuk barang² yang di-kehendaki oleh mereka termasuk keseronokan² semua-nya ada di-Alor Star atau pun di-Pulau Pinang. Sa-balek-nya pegawai² Kerajaan sendiri juga tidak ada lagi pada tiap² hari Jumaat, atau pun pada hari Khamis kerana mereka itu pergi melanchong ka-luar negeri, mungkin kalau ta' pergi ka-Pulau Pinang pun, pergi ka-Hadnyai dan sa-bagai-nya atau rata² tempat lagi mereka pergi. Kerana tidak ada sa-buah ranchangan, sa-barang benda atau pun, sa-barang keseronokan yang ada dalam Bandar Kangar sekarang ini.

Jadi dengan sebab itu-lah saya berseru kepada Jabatan yang berkenaan ini supaya dapat mengkaji bersunggo² apa² ranchangan pembangunan bandar yang sesuai untuk menarek pelanchong² dengan membanyakkan lagi usaha² untuk memajukan Bandar Kangar ia-itu Ibu Negeri Perlis tadi.

Satu perkara yang saya suka sebutkan kepada Jabatan berkenaan ini ia-lah berhubung dengan ranchangan pelanchongan dalam negeri Perlis ini. Oleh sebab Negeri Perlis sekarang ini sa-buah negeri yang penting untuk menggalakkan pelanchong² maka saya berseru-lah kepada Kementerian yang

berkenaan dengan kerjasama dari Kementerian Perdagangan dan Perusahaan yang menguruskan hal-ehwal pelanchongan supaya dapat melaksanakan apa² ranchangan yang patut di-buat dalam negeri Perlis ini terutama sa-kali Bandar Kangar.

Saya sa-bagai Setiausaha Persatuan Pelanchong Negeri Perlis, sentiasa menerima pertanyaan² daripada pelanchong² daripada luar negeri yang hendak melawat ka-Perlis yang hendak melawat ka-Pulau Langkawi atau pun hendak melanchong ka-Siam, terutama sa-kali berhubung dengan tempat penginapan ia-itu hotel² yang baik dan juga tempat² keseronokan bagi mereka sementara mereka itu akan melanchong ka-tempat² yang saya sebutkan tadi. Jadi dengan ada-nya ranchangan² saperti itu maka boleh-lah negeri Perlis ini beransor² maju kahadapan.

Sa-lain daripada itu untuk memajukan lagi negeri Perlis, terutama sa-kali di-Bandar Kangar, Kuala Perlis dan Padang Besar maka patut-lah juga pehak² yang berkenaan memikirkan beberapa ranchangan² yang dapat memajukan negeri Perlis terutama sa-kali membanyakkan lagi indastri², kilang² perusahaan untuk membanyakkan lagi pekerja². Dengan ada-nya pekerja² yang begitu banyak, maka akan maju-lah negeri Perlis dan Bandar Kangar dan bandar² lain sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi, Tuan Pengerusi.

Satu perkara lagi di-dalam pembangunan bandar ada-lah berhubung dengan Market Kangar. Saya berterima kaseh kepada Menteri Kerajaan Tempatan pada masa yang lalu yang telah meranchangkan sa-buah Market Kangar yang baharu yang dapat menampung kesusahan² daripada peniaga² kecil yang ingin chuba hendak berniaga. Dalam pada itu saya suka hendak menyatakan bahawa baharu² ini saya dapati banyak lagi peniaga² yang terdiri daripada bumiputra² yang berasa gagal mendapatkan stall di-Market Kangar itu, yang mana saya usulkan kepada Menteri yang berkenaan supaya di-segerakan membena tambahan market baharu yang dapat menampung atau pun dapat memberi peluang kepada peniaga² bumiputra itu berniaga dengan lebih banyak lagi di-Bandar Kangar.

Berhubung dengan Pembangunan Bandar ini, saya amat tertarek hati mengeshorkan supaya akan melibatkan sama kawasan²

Simpanan Melayu kerana di-Bandar Kangar terdapat tanah² yang luas ia-itu Tanah Simpanan Orang² Melayu. Sekarang ini tidak dapat di-usahakan dengan apa chara juga pun untuk membuat bangunan² yang banyak, yang besar, kerana terlibat dengan Undang² Majlis Bandaran yang tidak dapat di-buka tanah itu kerana tanah Simpanan Orang² Melayu. Jadi dengan ada-nya Pembangunan Bandar dan Perumahan ini akan dapat di-usahakan tanah² Simpanan Orang² Melayu ini, supaya tanah² Simpanan Orang² Melayu ini akan dapat meninggikan harga-nya dan mutu-nya dan akan dapat-lah orang Melayu sendiri masok di-dalam perusahaan dan perniagaan di-dalam Bandar ini.

Sa-lain daripada itu, saya juga sangat tertarek hati berhubung dengan ranchangan perumahan di-dalam Jabatan ini kerana di-dalam negeri Perlis sa-bagaimana saya katakan tadi, negeri yang mundor, Bandar Kangar pun mundor dan sunyi, maka tidak-lah banyak rumah² sewa yang di-buat untuk menampung atau pun memberi peluang kepada orang² di-dalam kampung atau pun luar bandar pergi ka-luar bandar untuk mendudoki bandar dan juga untuk menjalankan perusahaan dan perniagaan. Saya harap ranchangan sa-umpama ini adalah di-laksanakan dengan serta merta khas-nya bagi negeri Perlis yang saya katakan mundor tadi. Dengan ada-nya ranchangan² ini, maka dengan sendiri-nya akan dapat di-lihat oleh ra'ayat dalam negeri Perlis ini akan kemajuan² atau hasil² daripada Ranchangan Malaysia Kedua ini, kerana negeri Perlis, saya jelaskan sa-kali lagi, sa-buah Bandar Kangar itu-lah sahaja sa-buah ibu negeri Perlis dan itu-lah bandar tempat tumpuan orang ramai. Dengan ada-nya ranchangan yang saya katakan tadi akan menjadi imej atau pun muka depan bagi negeri Perlis bukan sahaja bagi ra'ayat negeri Perlis tetapi juga bagi pelanchong² yang bertumpu dalam negeri Perlis itu. Sekian, terima kaseh.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Tuan Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Pengerusi, saya ingin menguchapkan ribuan terima kaseh atas chadangan yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Perlis Utara. Biar-lah saya menyatakan mengenai wang yang telah di-chatitkan di-dalam estimate in ia-itu wang ini ada-lah khas-nya untuk di-beri sa-bagai "launching grant" untuk membolehkan UDA menjalankan

kerja-nya. Pada sa-takat ini UDA hanya di-dalam proses menubuhkan pertubuhan-nya sendiri dan menchari chara² hendak melancharkan pekerjaan-nya. Maka terlalu awal-lah bagi saya hendak mencheritakan apa yang UDA akan buat pada masa hadapan. Yang saya tahu, mengikut priority, UDA akan menumpukan perhatian yang pertama kapada bandar Kuala Lumpur dahulu, kemudian barangkali kapada bandar² yang lain. Maka chadangan² daripada Ahli Yang Berhormat itu akan saya kemukakan kapada UDA untuk timbangan oleh UDA daripada sa-masa ka-samasa.

Di-sini saya ingin hendak memberi perhatian bahawa peranan UDA ia-lah hendak menjalankan pembangunan dalam bandar, merupai rumah², terutama sa-kali rumah² tempat berdagang. Sama ada UDA akan melancharkan ranchangan-nya membuat sa-buah pasar atau bangunan lain ada-lah bergantung kapada faktur² yang akan menunjokkan ranchangan itu akan menjadi viable atau tidak. Kalau tidak, maka tidak-lah patut bagi Kerajaan kita membelanjakan wang untuk sa-suatu projek itu. Dalam fahaman saya pada masa ini tempat² bagi ra'ayat bumiputra hendak berdagang di-Perlis, terutama di-Kangar, ada-lah chukup kerana saya tahu sendiri bahawa MARA telah membuat beberapa buah kedai di-sana dan kedai ini belum lagi semua di-dudoki oleh kaum bumiputra. Ranchangan² lain yang telah di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak-lah akan terletak di-bahu UDA, tetapi mungkin terletak di-bahu Kementerian Perdagangan dan Perusahaan yang bertanggung-jawab atas soal pembangunan pelanchongan. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$300,000 untuk Kepala 100 di-setujukan menjadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1971.

Kepala 105—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$538,410 untuk Kepala 105 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1971.

Kepala 110—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$355,100 untuk Kepala 110 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1971.

Kepala 117—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$39,120,000 untuk Kepala 117 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1971.

Kepala 118—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$600,000 untuk Kepala 118 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1971.

Kepala 121—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$10 untuk Kepala 121 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1971.

Kepala 126—

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman: Tuan Pengerusi, mengikut Perangkaan yang diterangkan di-dalam Kertas Penerangan 46 ini, wang tambahan sa-banyak \$2,292,000 di-kehendaki bagi membiayai perbelanjaan kontrak dalam tahun 1971 bagi pembenaan komplek pengering di-Muda dalam negeri Kedah, Peringat dalam negeri Kelantan dan Besut dalam negeri Trengganu dan juga komplek Pemasaran Ikan di-Kuala Trengganu dan Kuching. Kerana peruntokan yang di-berikan dalam tahun 1971 sa-banyak \$11,761,500 tidak menchukupi. Apa yang saya maksudkan, Tuan Pengerusi dengan beberapa projek yang di-sebutkan di-dalam kertas ini, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada-kah peruntokan tambahan yang di-minta sa-banyak \$2,292,000 ini akan menchukupi untuk membiayai projek² yang terkandung di-dalam

ini. Sebab, apa yang membimbangkan saya mengenai dengan kompleks ikan di-Kuala Trengganu. Saya tidak fikir dengan peruntokan yang jumlah semua-nya lebeh kurang \$14 juta ini boleh mengatasi masalah² yang di-hadapi oleh nelayan² berhubung dengan kompleks ikan di-Kuala Trengganu. Jadi dengan sebab itu, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengkaji dan memikirkan perkara ini dengan lebeh dalam supaya harapan nelayan kepada Lembaga Pemasaran yang di-luluskan Akta-nya di-dalam Dewan ini kira² tiga bulan yang lalu tidak hanya menjadi baik dan elok pada kertas sahaja tetapi amat jauh dalam perlaksanaan-nya. Saya terpaksa mengatakan demikian Tuan Pengerusi, kerana sejak daripada Akta itu di-luluskan maka nelayan di-Pantai Timor telah mula memberi satu harapan yang besar kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Tanah khas-nya atau pun kepada Kerajaan Perikatan bahawa dengan Akta itu benar² Kerajaan Perikatan mempunyai niat apakala saya melihat kepada peruntokan yang di-minta sa-banyak \$2 juta bagi menchukupi jumlah-nya sa-banyak \$14 juta kerana \$11,761,500 yang diberi dalam Anggaran tahun 1971 itu tidak menchukupi, saya rasa sangsi atau pun merasa was² dan ragu tentang perlaksanaannya. Sekian, terima kaseh.

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Pengerusi, saya suka menarek perhatian Ahli Yang Berhormat itu ia-itu daripada jumlah \$2,292,000 ini perbelanjaan untuk projek Pemasaran Padi Muda akan di-untokkan sa-banyak \$421,000; Projek Pemasaran Padi Peringat di-untokkan sa-banyak \$840,000; Projek Pemasaran Padi Besut di-untokkan sa-banyak \$770,000 dan Projek Pemasaran Ikan sa-banyak \$261,000. Peruntokan sa-banyak \$261,000 ini ada-lah di-gunakan untuk perbelanjaan bagi menjalankan projek² awal bagi projek Pemasaran Ikan di-Kuala Trengganu dan di-Kuching. Saya suka-lah menjelaskan di-sini ia-itu pehak Kementerian saya atau pun saya sendiri telah pun melantek Jawatan-kuasa bagi Lembaga Pemasaran Ikan Persekutuan dan pelancharan-nya akan di-jalankan pada 17hb Disember, 1971 ini dan ahli² perbadanan² ini akan merangka langkah² yang patut diambil bagi menjayakan ranchangang² pemasaran ikan di-dalam negeri ini.

Sa-lain daripada itu saya juga telah menubuhkan satu Pesatuan Nelayan Perintis bagi Kuala Trengganu di-dalam usaha untuk hendak menyusun ranchangan² nelayan yang ada di-Kuala Trengganu itu. Sa-lain daripada itu satu Lembaga Kemajuan Perusahaan Ikan yang di-gelar Maju Ikan telah pun di-tubuhkan pada masa sekarang ini dan peruntokan bagi masa 5 tahun yang akan datang ini bagi Maju Ikan ia-lah sa-banyak \$10.29 juta dan mengikut Anggaran Pembangunan tahun 1972, sa-jumlah \$2 juta telah pun di-minta atau di-untokkan bagi Maju Ikan menjalankan projek² yang dalam usaha hendak membaikkan keadaan nelayan² terutama sa-kali di-Pantai Timor. Jadi sunggoh pun peruntokan di-untokkan \$2 juta dalam tahun 1972 tetapi kalau sa-kira-nya yang lebeh banyak daripada itu boleh di-gunakan dan di-kehendaki maka permintaan tambahan akan dapat di-buat bagi masa yang akan datang. Di-sini saya suka-lah menegaskan bukan-lah sa-mata² \$261,000 sahaja yang di-untokkan bagi perusahaan ikan tetapi lebeh daripada \$10 juta di-untokkan bagi kemajuan perikanan dalam negeri ini.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$2,292,000 untuk Kepala 126 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1971.

Kepala 127—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$10.00 untuk Kepala 127 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.2), 1971.

Kepala 144—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$21,181,850 untuk Kepala 144 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.2), 1971.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan ia-itu satu jumlah wang tambahan sa-banyak tidak lebeh daripada \$64,387,380

di-belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun Kewangan 1971, dan bagi maksud Kepala² dan Pechahan²-kepala Perbelanjaan tersebut di-ruangan Pertama dan Kedua dalam senarai yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 45 tahun 1971, dan di-untukkan jumlah yang tersebut sa-tentang dengan Kepala² dan Pechahan²-kepala di-ruangan Lapan dan Sembilan senarai itu.

Majlis Meshuarat bersidang sa-mula

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mema'alomkan ia-itu Jawatan-kuasa telah menimbangkan usul yang di-edarkan kapada-nya dan bersetuju dengan usul tersebut, sa-terus-nya saya men-chadangkan supaya usul tersebut di-per-setujukan.

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan ia-itu satu jumlah wang tambahan sa-banyak tidak lebeh daripada \$64,387,380 di-belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun Kewangan 1971, dan bagi maksud Kepala² dan Pechahan²-kepala Perbelanjaan tersebut di-ruangan Pertama dan Kedua dalam senarai yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah bil. 45 tahun 1971, dan di-untukkan jumlah yang tersebut sa-tentang dengan Kepala² dan Pechahan²-kepala di-ruangan Lapan dan Sembilan senarai itu.

PENANGGOHAN

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan bahawa Meshuarat ini di-tanggohkan se-karang.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCHAPAN PENANGGOHAN

HAPUSKAN BUROH² KONTREK

Tuan Lim Kit Siang: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, the problem of contract labour in Malaysia has become so grave that it has forced the Minister of Labour to recently take cognizance of it and to state his concern over a tendency among some employers to replace permanent workers with contract labour under the guise of re-organisation of work force and cutting cost.

A specific case was the retrenchment of 147 permanent workers by the Killinghall Tin Mine Management in Puchong, Selangor on October the 1st and their replacement by cheap contract labour. Even workers who had worked for as long as 19 years were thrown out of work. The Labour Minister said that he would take action against these rapacious and heartless employers but to-date the 147 permanent workers in Killinghall Tin Mine remain out of work. The Labour Minister has again shown that apart from uttering platitudes he cannot really help these retrenched workers.

All over the world workers are fighting to get contract labour emplaced on the permanent basis so that they can enjoy minimum basic rights in terms of job security, good working conditions, Provident Fund contributions, medical care, etc. In Malaysia, however, we are going backwards with permanent workers dismissed and replaced by contract labour. Contract labour as a concept is obsolete and was originated to exploit man by man. The wages of sin is death, but the wages of contract labour is a living death, condemned to life-long exploitation and misery.

There is no social justification whatsoever for the general use of the contract labour system but the major industries like the plantation and the mining industries employ extensive contract labour. There may be a case to use special labour in certain types of temporary works but not in industries of a permanent feature like plantations and mining. In Malaysia the plantations alone employ no less than 35,000 contract labourers. Contract labourers are completely at the mercy of their employers and they cannot be organised. Trade Unions also do not accept them into their ranks. Thus the National Mining Workers' Union of Malaya

in its 1969/1971 Report described the contract labour system as a pernicious system which cannot accommodate trade union organization. The International Labour Organization has also recommended against contract labour system and I think Governments all over the world are introducing legislation to do away with this pernicious system of exploiting cheap labour.

I call on the Government to take measures to abolish or reduce the incidence of employment of contract labour. I also call on the Government to appoint a Royal Commission to make a comprehensive study of the workings, abuses and perniciousness of the contract labour system with recommendations as to how it can be abolished.

Before I conclude, I urge on the Government to set an example in not exploiting contract labour. It should instruct all Government and quasi-Government organizations to cease employing contract labour, put all contract labourers on permanency and thus take a concrete step towards eliminating this exploitation of man by man. Terima kasih.

Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tuan Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana majikan kontrekter² juga tidak-lah berbeza dengan jenis² majikan yang lain. Mereka ada-lah terta'alok kapada Undang² Buroh yang sama dan pekerja² mereka ada-lah hendak mendapat faedah² yang sama dan syarat² yang sama yang ditentukan sa-bagaimana pekerja² yang di-ambil bekerja oleh majikan² yang lain. Oleh itu pekerja² yang di-ambil bekerja oleh kontrekter² telah pun di-lindungi oleh peruntukan² di-dalam Undang² mengenai Pampasan Orang-Kerja, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Perumahan dan Rawatan Perubatan di-bawah Kanun Buroh dan peruntukan² di-bawah Ordinan Kerja dan seterusnya.

Sama ada sa-suatu perusahaan hendak mengambil buroh sa-chara langsung atau menerusi kontrekter² ada-lah menjadi soal perusahaan itu sendiri memutuskan-nya. Ini juga termasuk Jabatan² Kerajaan. Pekerja² yang di-ambil bekerja oleh kontrekter² adalah mendapat perlindungan sa-chukup-nya oleh Undang². Sa-benar-nya semua Kontrek-

ter Kerja Raya mempunyai faedah² tertentu yang memerlukan kontrekter supaya membayar gaji yang sa-wajar-nya dan mematuhi Undang² Buroh yang berkaitan, lebeh² lagi sa-tengah² dari kekurangan yang di-hadapi oleh pekerja kontrek ada-lah juga biasa dan terdapat di-kalangan pekerja² yang di-ambil bekerja sa-chara langsung oleh majikan² kecil.

Pada pandangan kami tidak-lah ada kekurangan² yang besar yang di-alami oleh pekerja² yang di-ambil bekerja oleh kontrekter² di-bawah sistem kontrek sekarang. Kami sedar mengenai beberapa kes di-dalam sistem kontrek di-mana kontrekter² chuba mengelakkan peruntukan² Undang². Oleh itu jawapan-nya tergantung dengan mengambil tindakan penguatkuasa Undang² yang lebeh tegas menjalankan kawalan yang lebeh ketat dan pengawasan yang lebeh rapi terhadap kontrekter² di-tiap² peringkat oleh Jabatan² Kerajaan dan majikan swasta yang menjalankan kontrek dan ini akan menolong mengurangkan kekurangan² yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan kenyataan ia-itu Killinghall Tin Mine Berhad yang memberhentikan pekerja² dan gantikan dengan contract labour itu, Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyiasat perkara ini dan di-dapati tidak ada bukti² yang menunjukkan sharikat itu menggantikan pekerja² di-buang dengan buroh² kontrek yang murah.

Tuan Lim Kit Siang: (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, is he aware that the statement itself was made by the Honourable Minister of Labour and I have a press cutting here. If he disputes it, I am prepared to read it to him.

Tuan Lee San Choon: (Dengan izin) I would like to know the full statement and in what context it was made.

Tuan Lim Kit Siang: May I therefore

Tuan Yang di-Pertua: Afterwards! You two can get together. Meshuarat di-tanggohkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.42 petang.

